

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

PRINSIP DAN OPERASI PENERBITAN BON MUDHARABAH

CAGAMAS

4.0 Pendahuluan

Bon Mudharabah Cagamas adalah merupakan bon Islam yang diterbitkan oleh Cagamas Berhad. Kehadiran bon Islam dalam industri bon menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Masih terdapat segelintir masyarakat pelabur yang meragui prinsip-prinsip yang digunapakai dalam operasi penerbitannya. Oleh itu kajian secara terperinci dan menyeluruh akan dilakukan ke atas Bon Mudharabah Cagamas yang diterbitkan oleh pihak Cagamas Berhad untuk meninjau sejauh mana bon ini memenuhi prinsip muamalah Islam.


4.1 Bon Mudharabah Cagamas

Bon Mudharabah Cagamas ini mula diterbitkan pada 26 Mac 1994¹. Bon ini diperkenalkan bagi memenuhi permintaan institusi-institusi kewangan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan bagi hutang perumahan secara Islam. Operasi penerbitan bon Islam ini terhasil daripada gabungan pelbagai prinsip-prinsip muamalah Islam yang akan dikupas secara mendalam dalam bab ini.

4.2 Operasi Penerbitan Bon Mudharabah Cagamas

Penerbitan bon ini melibatkan dua akad iaitu pembelian pinjaman perumahan secara Islam daripada pemaju dan juga institusi kewangan menggunakan akad *bay' al-dayn* dan pengeluaran bon berasaskan akad *al-mudārabah* digabung dengan konsep konvensional iaitu *pass through*². Konsep *pass through* merupakan penggunaan semula bayaran ansuran yang diperolehi dengan membuat pelaburan semula³. Lihat operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas dalam rajah 4.1.

Rajah 4.1 : Operasi Penerbitan Bon Mudharabah Cagamas



Sumber : Pembentangan Kertas Kerja " Pasaran Modal Islam : Teori Dan Pelaksanaannya di Malaysia pada 22 Ogos 1998 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Bon Mudharabah Cagamas yang juga dikenali dengan *Sanadāt Muḍārabah* kemudiannya diurusniagakan di pasaran kedua. Bon Mudharabah Cagamas adalah bon yang bersifat kekal atau jangka panjang serta boleh dipindah milik⁴. Siri Bon Mudharabah Cagamas yang pertama telah dikeluarkan pada bulan Mac 1994 dengan tempoh matang tiga tahun. Nisbah keuntungan yang ditetapkan adalah 90:10 iaitu 90% daripada keuntungan diagihkan kepada pemilik bon sementara 10% diberikan kepada Cagamas Berhad. Agihan keuntungan ini akan dilakukan sebanyak dua kali setahun⁵.

4.2.1 Pembelian Pembiayaan Rumah Secara Islam

Pihak Cagamas Berhad telah menjadikan pembelian hutang perumahan secara Islam daripada institusi-institusi kewangan sebagai satu bentuk perniagaan yang menguntungkan. Pembelian hutang tersebut dibuat menggunakan akad *bayʿ al-dayn* dan dilaksanakan secara tunai iaitu menggunakan prinsip *bayʿ al-naqdī*. Penetapan harga jualan pembiayaan perumahan Islam dilakukan dengan persetujuan kedua pihak yang terlibat. Walaubagaimanapun Cagamas Berhad akan membeli hutang perumahan tersebut pada harga buku iaitu pada nilai hutang pokok⁶. Berdasarkan contoh Pembiayaan Perumahan Secara Islam dalam jadual

4.1, harga jualan pembiayaan rumah pada nilai pokok yang akan dibeli oleh Cagamas Berhad adalah RM100,000.00.

Oleh demikian kesemua margin keuntungan pembiayaan perumahan menggunakan akad jualbeli dengan harga tangguh iaitu *bay' bithaman ājil* yang dikenakan oleh pembiaya perumahan akan diambil oleh Cagamas Berhad⁷. Merujuk kepada jadual 4.1, margin keuntungan sebanyak 15% yang melibatkan nilai sebanyak RM150,000.00 akan menjadi milik Cagamas Berhad setelah belian pembiayaan rumah dibuat.

Jadual 4.1 : Pembiayaan Rumah Menggunakan Kontrak Bay' Bithaman Ājil.

Perkara	Jumlah
Harga Belian	RM100,000.00
Tempoh Matang	10 tahun atau 120 bulan
Untung Tahunan	15%
Jumlah Untung	$15\% \times \text{RM}100,000.00 \times 10 = \text{RM}150,000.00$
Harga Jualan	$\text{RM}100,000.00 + \text{RM}150,000.00 = \text{RM}250,000.00$
Bayaran Bulanan	$\text{RM}250,000.00 / 120 = \text{RM}2,083.00$

Sumber : Saiful Azhar Rosly(1999), ‘Terbitan Bon Islam : Beberapa Syarat Yang Perlu Dipenuhi”, Dewan Ekonomi, April, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 59.

Setelah pembelian dibuat, pemilikan hutang perumahan secara Islam akan berpindah daripada institusi kewangan kepada pihak

Cagamas Berhad. Sebagai pemilik hutang, pihak Cagamas Berhad berhak untuk menerima kesemua bayaran ansuran bulanan hutang perumahan yang belum dijelaskan oleh peminjam perumahan secara Islam sehingga hutang tersebut langsai⁸. Berdasarkan jadual 4.1, jumlah ansuran bulanan tersebut adalah RM2,083.00.

Walaupun bagaimanapun atas dasar persetujuan antara pihak Cagamas Berhad dan institusi kewangan terbabit, urusan kutipan ansuran bulanan hutang perumahan daripada peminjam perumahan akan dilaksanakan oleh pihak institusi kewangan. Ansuran Cagamas mestilah dibayar kepada Cagamas Berhad pada setiap bulan. Sebagai *ujrah* atau upah (yuran perkhidmatan) dari perkhidmatan yang diberikan, pihak institusi kewangan akan mengambil sebahagian dari margin keuntungan mengikut persetujuan kedua-dua pihak⁹. Yuran tersebut akan dipotong dari jumlah ansuran bulanan yang diterima dari peminjam. Sebagai contoh, insitituti kewangan tersebut akan mengambil sebanyak 40% dari margin keuntungan iaitu sebanyak RM60,000.00 atau RM500.00 sebulan. Ini bermakna Ansuran Cagamas akan berjumlah RM1,583.00 sebulan¹⁰.

Contoh Pengiraan Ansuran Cagamas :

Ansuran Cagamas = Ansuran bulanan pinjaman - yuran perkhidmatan

Ansuran Cagamas = RM2,083.00 - RM500.00 = RM1,583.00

Pembelian hutang perumahan secara Islam ini adalah merupakan satu-satunya perniagaan yang dijalankan oleh pihak Cagamas Berhad bagi memobilisasikan keuntungan daripada modal yang diperolehi menerusi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas.

4.2.2 Pengumpulan Dana Menggunakan Kontrak *al-Muḍārabah*

Muḍārabah adalah merupakan satu bentuk pelaburan melalui perkongsian untung¹¹. Kontrak *muḍārabah* ini melibatkan proses pengumpulan dana oleh *muḍārib* atau pengusaha¹² iaitu pihak Cagamas Berhad daripada *rab al-māl* yang dikenali sebagai pelabur¹³ atau pembeli bon. Pihak Cagamas Berhad selaku *muḍārib* akan menerima wang daripada pembeli bon sebagai wang pelaburan untuk digunakan bagi membiayai pembelian hutang perumahan secara Islam daripada institusi kewangan¹⁴.

Para pelabur atau pemegang Bon Mudharabah Cagamas ini adalah terdiri daripada institusi-institusi kewangan, syarikat, perbadanan, pertubuhan dan para individu. Pihak institusi kewangan didapati amat berminat membeli Bon Mudharabah Cagamas ini ekoran dari pengkelasan bon sebagai aset mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia.

4.2.3 Pengsekuritian Pembiayaan Perumahan Secara Islam (Terbitan Bon)

Proses pengsekuritian hutang perumahan secara Islam adalah merupakan proses penerbitan bon yang menjadi bukti penyertaan modal bagi pembelian hutang perumahan secara Islam. Bon yang diterbitkan itu adalah pada nilai belian pembiayaan perumahan Islam. Bon yang diterbitkan ini dikenali sebagai Bon Mudharabah Cagamas. Ia adalah merupakan bukti pelaburan yang disertai oleh para pelabur. Walaubagaimanapun sijil bon ini tidak diterbitkan dalam bentuk kertas bertulis. Sebaliknya penerbitan bon dilakukan menggunakan Sistem Urusniaga Tanpa Skrip (*Scriptless system*) yang menggunakan teknologi network perkomputeran¹⁵.

Syarat penerbitan bon Islam ini ialah ia mestilah disandarkan kepada *al-māl* atau harta bagi membolehkannya diperniagakan. Sandaran harta bagi Bon Mudharabah Cagamas ini adalah hak tuntutan Pembiayaan Perumahan Secara Islam¹⁶. Hak tuntutan Pembiayaan Perumahan Secara Islam boleh dianggap sebagai *al-māl* kerana ia adalah hak atau bukti pemilikan bayaran pembiayaan yang berupa wang tunai. Sementara wang tunai adalah merupakan harta menurut pandangan *fiqh*.

4.2.4 Tempoh Matang

Bon Mudharabah Cagamas mempunyai tempoh matang yang tertentu sepertimana yang ditetapkan oleh Cagamas Berhad seperti tiga, lima atau tujuh tahun. Bon ini tidak mempunyai sebarang kupon yang boleh ditebus dalam tempoh pra matang. Walaubagaimanapun sepanjang tempoh pra matang, pihak Cagamas Berhad akan mengumumkan kadar dividen yang diperolehi bagi Bon Mudharabah Cagamas yang diterbitkan. Kadar dividen ini adalah merupakan keuntungan yang dinilai pada setiap enam bulan bagi pelaburan yang dilakukan. Bon ini hanya akan ditebus semula oleh pihak Cagamas Berhad apabila sampai tempoh matangnya pada nilai jualan bon beserta dividen yang ditentukan pada masa tersebut¹⁷

4.2.5 Nilai Par

Nilai par, nilai tara atau nilai muka adalah merupakan nilai yang dibawa oleh setiap unit bon. Apabila sesuatu bon mencapai tempoh matang, penerbit bon akan membayar sejumlah wang pada nilai par kepada pemegang bon¹⁸. Oleh kerana Bon Mudharabah Cagamas ini merupakan bon berbentuk pelaburan bukannya bon berbentuk hutang nilai parnya adalah fleksibel dan sentiasa mengalami perubahan. Ini adalah kerana nilai parnya bergantung kepada kedudukan pelaburan

sama ada mendapat keuntungan atau mengalami kerugian. Nilai parnya akan bertambah kecil atau berkurang sekiranya pelaburan mengalami kerugian. Sebaliknya nilai par bagi Bon Mudharabah Cagamas ini akan meningkat selaras dengan keuntungan yang diperolehi¹⁹.

4.2.6 Pulangan

Pihak Cagamas sebagai *muḍārib* telah menjalankan perniagaan membeli pembiayaan perumahan secara Islam dengan menggunakan instrumen *bayʿ al-dayn* untuk mendapatkan keuntungan. Sekiranya aktiviti *bayʿ al-dayn* tersebut memberikan keuntungan ianya akan diagihkan kepada Cagamas Berhad dan pemegang bon berdasarkan perkongsian untung. Agihan keuntungan dilakukan berdasarkan nisbah yang dipersetujui antara kedua-dua pihak. Nisbah keuntungan yang dipersetujui antara pembeli bon dan pihak Cagamas Berhad adalah 90 : 10. Sebanyak 90% daripada keuntungan akan diagihkan kepada pelabur iaitu pemegang bon sementara sebanyak 10% diberikan kepada pihak Cagamas Berhad selaku *muḍārib*²⁰.

Walaupun nisbah keuntungan tersebut adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dan perubahan dengan persetujuan kedua-dua pihak. Keuntungan ini akan diumumkan pada setiap enam bulan yang

disebut juga sebagai dividen.²¹ Memandangkan Bon Mudharabah Cagamas adalah merupakan bon berkadar terapung, nilai bonnya sentiasa mengalami perubahan selaras dengan aktiviti *muḍārabah*. Nilainya akan meningkat sekiranya pihak syarikat memperolehi keuntungan hasil dari aktiviti *bayʿ al-dayn*. Sebaliknya sekiranya syarikat mengalami kerugian, nilai bon akan mengalami penyusutan berbanding dengan harga belian. Ini adalah kerana kerugian yang berlaku akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembeli bon sebagai pemodal.

4.2.7 Tarikh Matang

Tarikh matang adalah merupakan tarikh pengembalian bon kepada penerbit bon. Pemegang bon akan menerima bayaran pada nilai muka daripada penerbit pada tarikh matang tersebut²². Kebanyakan Bon Mudharabah Cagamas yang diterbitkan mempunyai tempoh matang antara tiga hingga sepuluh tahun. Pada tarikh matang tersebut Cagamas Berhad akan membeli semula Bon Mudharabah Cagamas berdasarkan nilai muka yang diumumkan beserta dengan dividen sekiranya ada.

4.2.8 Hak Tuntut Balik

Pembelian pembiayaan perumahan Islam dilakukan oleh Cagamas Berhad dengan hak tuntutan balik. Ini bermakna pihak syarikat tidak akan

menanggung sebarang risiko kredit. Pembelian pembiayaan perumahan ini dibuat untuk tempoh kajian semula tiga, lima atau tujuh tahun. Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada hutang samada kemungkiran (menjadi hutang tidak berbayar), pembayaran awal atau penebusan oleh peminjam dalam tempoh kajian semula, pihak institusi kewangan tersebut dikehendaki membeli balik hutang tersebut dan kemudiannya menggantikannya semula dengan menjual hutang yang mempunyai nilai yang lebih kurang sama. Proses pembelian semula hutang yang rosak akan dilakukan setiap tiga bulan. Inilah yang dikatakan hak tuntutan balik²³

4.2.9 Urusniaga Bon Mudharabah Cagamas

Bon Mudharabah Cagamas ini telah diurusniagakan samada di pasaran utama atau pasaran kedua.

a) **Pasaran Primer (Pasaran Utama)**

Sejumlah Bon Mudharabah Cagamas akan diterbitkan setelah mendapat persetujuan daripada semua ahli lembaga pengarah. Bon Mudharabah Cagamas seterusnya akan dijual di pasaran primer secara langsung oleh pihak Cagamas kepada Peniaga Utama atau dikenali sebagai *Principal Dealer* menerusi sistem tender²⁴.

Tender ini dibuat berdasarkan tiga elemen utama iaitu harga, pulangan atau kadar perkongsian untung. Sebelum tender dibuat, pihak Cagamas Berhad akan memberi penerangan (*information memorandum* seperti di lampiran G) kepada para peniaga utama mengenai sistem operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas. Penerangan tersebut dibuat menggunakan sistem elektronik Menerusi sistem tender ini Cagamas Berhad akan membuat pemilihan peniaga utama yang layak untuk membeli bon. Setelah pemilihan dibuat, Cagamas Berhad akan mengagihkan Bon Mudharabah Cagamas yang diterbitkan tersebut kepada peniaga-peniaga utama yang berjaya mendapat tender berdasarkan tawaran yang dibuat²⁵.

Berdasarkan sistem tender ini, seramai 16 peniaga utama telah dipilih (lihat lampiran B). Mereka adalah terdiri daripada institusi kewangan²⁶ iaitu Affin Discount Berhad, RHB Sakura Merchant Bankers Berhad, Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad, Hongkong Bank Malaysia Berhad, Aseambankers Malaysia Berhad, KAF Discounts Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Maybank, Bank of Commerce (M) Berhad, Citibank Berhad, Public Bank Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad, Short Deposits (M) Berhad, RHB Bank Berhad dan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

Peniaga utama yang berjaya mendapat tender akan membeli Bon Mudharabah Cagamas tersebut dan kemudiannya akan diniagakan di pasaran sekunder.

b) Pasaran Sekunder (Pasaran Kedua)

Dalam pasaran sekunder, Bon Mudharabah Cagamas akan dijual kepada para pelabur pada harga yang ditetapkan oleh peniaga utama. Urusniaga ini dilakukan secara elektronik menggunakan Sistem Urusniaga Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS) atau scriptless dalam bentuk tanpa rekod melalui rumah penjelasan elektronik yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. SSTS ini beroperasi serentak dengan Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti (RENTAS). Maklumat urusniaga pasaran sekunder bagi SSTS ini boleh didapati dalam Sistem Penyebaran dan Maklumat Bon (BIDS)²⁷.

Bon Mudharabah Cagamas yang dijual akan dipindahkan kepada akaun pembeli menggunakan sistem RENTAS. Urusniaga jualbeli bon di antara para pelabur ini akan berterusan sehinggalah mencapai tempoh matang. Bon tersebut akan ditebus semula oleh pihak Cagamas Berhad apabila mencapai tempoh matangnya²⁸.

Sekiranya pihak pembeli ingin menjual bon milik mereka sebelum tempoh matang, mereka perlu mendapatkan sendiri pembeli yang bersetuju untuk membeli bon pada harga yang dipersetujui. Masalah yang sering dihadapi oleh pemilik bon adalah untuk menentukan harga jualan yang bersesuaian bagi Bon Mudharabah Cagamas. Ini adalah kerana nilai Bon Mudharabah Cagamas ini sentiasa berubah mengikut keuntungan aktiviti *mudārabah* yang hanya akan diumumkan pada setiap tempoh enam bulan²⁹.

4.3 Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Operasi Penerbitan Bon Mudharabah Cagamas.

Operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas ini melibatkan gabungan pelbagai prinsip Syariah. Penulis akan membawa kupasan secara mendalam mengenai prinsip-prinsip syariah tersebut .

4.3.1 *Bay' al-Dayn*

Bay' al-dayn adalah akad yang digunakan oleh pihak Cagamas Berhad untuk membeli pembiayaan perumahan secara Islam. Walaubagaimanapun *fuqahā'* telah mengharuskan akad ini sebagai instrumen muamalah Islam mengikut pandangan yang berbeza.

a) Definisi

Perkataan *dayn* berasal dari perkataan *dānā* bermaksud hutang. Ia mempunyai maksud yang sama dengan *al-qarḍ*³⁰. Apabila seseorang membeli dengan bayaran tertangguh dikatakan sebagai membeli secara hutang³¹. *Bayʿ al-dayn (factoring)*³² dimaksudkan sebagai jual beli hutang iaitu seseorang yang mempunyai hak mengutip hutang yang akan matang pada masa hadapan menjual haknya kepada individu lain dengan harga yang dipersetujui³³. Kontrak *bayʿ al-dayn* adalah merupakan instrumen yang telah diamalkan dalam dunia muamalah Islam semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Terdapat dua jenis *bayʿ al-dayn* iaitu secara tunai dan secara tangguh³⁴.

b) Keharusan Kontrak *Bayʿ al-Dayn* Menurut Pandangan Mazhab

Dalam membincangkan hukum *bayʿ al-dayn*, *fuqahāʾ* telah membezakan *bayʿ al-dayn* kepada orang berhutang dan kepada pihak ketiga (bukan orang berhutang) samada jualbeli tersebut dilakukan secara tunai atau secara hutang³⁵.

i) **Penjualan Hutang Kepada Orang Yang Berhutang Secara Tunai.**

Jumhur fuqahā' mengharuskan jualbeli hutang kepada orang yang berhutang atau *hibah*. Jualbeli ini dibolehkan kerana barang yang dijual tersebut berada di tangan orang yang berhutang atau si pembeli hutang dan tidak memerlukan kepada penyerahan. Pemiutang menjual hutang kepada orang yang berhutang atau penghutang dengan gantian hutang yang lain. Maka gugurlah hutang yang pertama dan orang yang berhutang wajib menggantikannya dengan hutang baru iaitu hutang kedua³⁶.

Fuqahā' Syāfi'ī dan Ḥanbali mensyaratkan jualbeli tersebut mestilah dilakukan tanpa melibatkan unsur riba³⁷. Sekiranya penjualan tersebut melibatkan hutang yang berbentuk *ribawī* seperti emas dengan perak, gandum dengan barli disyaratkan gantian kepada hutang tersebut diserahkan dalam majlis akad. Penerimaan orang berhutang hanyalah secara *ḥukmī*. Penerimaan secara *ḥukmī* memadai sebagai mengambil tempat penerimaan hakiki³⁸.

Walaupun ulama Mazhab Zāhiri sebaliknya tidak mengharuskan jualbeli hutang kepada orang yang berhutang kerana wujudnya unsur *gharar*³⁹ iaitu penipuan. Sedangkan jualbeli *gharar* adalah

tidak sah⁴⁰ menurut Ibn Ḥazm kerana barang yang dijual adalah *majhūl* yang tidak diketahui sifat *‘ainnya*⁴¹. Rasulullah s.a.w. melarang jualbeli *gharar* ini sebagaimana Hadith baginda ⁴²:

عن أبي هريرة قال نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الغرر وبيع الخصة

Maafhumnya : Dari Abi Hurairah berkata bahawa Rasulullah melarang jualbeli gharar

ii) Penjualan Hutang Kepada Pihak Ketiga Secara Tunai

Mazhab Ḥanafi, Syāfi‘i, dan Zāhiri tidak mengharuskan jualbeli hutang secara tunai kepada orang yang tidak berhutang iaitu pihak ketiga kerana barang yang dijual tidak dapat diserahkan kepada pembeli ⁴³. Mazhab Ḥanbali turut mengatakan jualbeli hutang kepada pihak ketiga adalah tidak sah meskipun ia melibatkan *dayn al-mustaqir* (hutang tetap yang boleh ditunaikan) kerana ketiadaan barang yang dijualbeli sebagaimana tidak sahnyanya memberi *hibah* kepada pihak ketiga. Pemberian atau *hibah* hanya boleh dibuat sekiranya barang yang nak dihibahkan ada dan boleh diserahkan⁴⁴.

Sementara Mazhab Mālikī mengharuskan *bay‘ al-dayn* kepada pihak ketiga dengan syarat ⁴⁵:

- i. Jualbeli tersebut mestilah bebas dari unsur *gharar* dan riba dan dilakukan secara tunai. Sementara hutang tersebut mestilah barang yang harus dijual sebelum menerimanya seperti pinjaman, hutang bukan dari jenis makanan.
- ii. Pemiutang mestilah yakin penghutang akan membayar hutang tersebut apabila sampai tempohnya dan penghutang hendaklah datang ke tempat akad dan membuat pengakuan akan membayarnya.

Sebahagian ulama Syāfi'ī seperti al-Syirazī, al-Nawāwī, al-Ramli dan al-Syarbinī mengharuskan *bay' al-dayn* kepada pihak ketiga kecuali hutang *al-salam*⁴⁶. *Fuqahā'* Ḥanafī turut membolehkan *bay' al-dayn* dengan pihak ketiga dengan syarat pihak ketiga adalah sebagai wakil untuk menerima hutang, *hawalah* atau wasiat. Ini bermakna sekiranya pihak ketiga membeli hutang bagi pihak orang berhutang sebagai wakil ianya dibolehkan. Begitu juga dalam kes *hawalah*. Sekiranya orang yang berhutang meng*hawalahkan* hutang kepada pihak ketiga, hakmilik hutang tersebut akan berpindah kepada penerima *hawalah*. Pihak ketiga boleh membeli hutang tersebut kerana ianya telah menjadi miliknya. Sementara dalam hal wasiat, pemilikan hutang akan berpindah kepada penerima wasiat. Pihak ketiga yang menerima wasiat diharuskan untuk membeli hutang tersebut⁴⁷.

Fuqahā' Syāfi'ī turut menetapkan beberapa syarat dalam mengharuskan menjual hutang kepada pihak ketiga⁴⁸ :

- i. Orang yang berhutang itu mestilah orang yang berupaya membayar hutang dan dia telah membuat pengakuan bahawa dia berhutang dan terdapat saksi yang mengakui bahawa dia berhutang.
- ii. Hutang itu hendaklah hutang yang tetap.
- iii. Hutang tersebut bukan barang tempahan.
- iv. Penerimaan kedua barang tukaran berlaku dalam majlis akad.

iii) Penjualan Hutang Kepada Orang Berhutang Atau Pihak Ketiga Secara Hutang

Jumhur fuqahā' bersepakat mengatakan menjual hutang dengan hutang adalah tidak harus. Ini adalah kerana penjualan hutang secara bertangguh atau hutang (*bay' al-dayn bi al-dayn*) telah mendapat tentangan daripada Rasulullah s.a.w. yang dilakukan kepada orang berhutang atau pihak ketiga. Akad ini juga dikenali sebagai *bay' al-dayn nasi'ah*⁴⁹.

Contoh *bay' al-dayn bi al-dayn* yang dijual kepada orang yang berhutang seperti ucapan “ saya beli gandum ini dengan harga satu dinar

dengan syarat penyerahan selepas sebulan". Apabila sampai tempoh sebulan penjual tidak dapat menyerahkan gandum yang telah dijual. Pembeli kemudian memohon untuk membeli hutang tersebut dengan berkata " jualkan hutang ini kepada saya dengan syarat dilanjutkan tempoh dan saya tambahkan kadar barang". Jual beli seumpama ini dianggap sebagai riba yang diharamkan kerana berlakunya tambahan akibat lanjutan tempoh pembayaran⁵⁰.

Sementara contoh *bay' al-dayn bi al-dayn* kepada pihak ketiga seperti kata seseorang " Saya jual kepada awak 20 cupak gandum milik saya yang berada dalam tangan si A dengan harga tertentu dan bayaran dalam tempoh sebulan"⁵¹.

iv) Pendapat *Rājih* Syāfi'ī

Menurut pendapat yang paling *rājih* Mazhab Syāfi'ī, mengharuskan jualbeli hutang tetap yang boleh ditunaikan iaitu *dayn al-mustaqir* kepada orang yang berhutang atau orang lain dengan syarat jualbeli tersebut tidak melibatkan elemen riba⁵². Ini adalah kerana hutang tersebut boleh diserahkan kepada pembeli seperti bayaran ganti rugi atau barang yang berada di tangan peminjam. Sebaliknya jualbeli hutang yang dikhuatiri tidak tetap iaitu *al-dayn ghayr mustaqir* dikira fasakh sekiranya ia tidak

dapat diserahkan. Mazhab Syāfi'ī dalam *qawl jadīd* juga mengharuskan jualbeli hutang berbentuk harga jualan sebelum menerimanya. Jualbeli tersebut adalah sama seperti menjual barang yang telah diterima kerana kebarangkalian ianya rosak adalah kecil⁵³.

c) Manfaat Mekanisme Bay' al-Dayn

Pelbagai manfaat yang diperolehi dari mekanisme *bay' al-dayn* antaranya adalah seperti berikut ⁵⁴:

- i) Mewujudkan sumber-sumber kewangan yang diperlukan oleh unit-unit pengeluaran, perniagaan dan perkhidmatan melalui penjualan dokumen-dokumen dan surat-surat sekuriti mengikut peraturan-peraturan tertentu.
- ii) Membantu penjual-penjual dan pengeksport mendapat wang tunai untuk dijadikan modal pusingan perniagaannya memandangkan jualannya adalah dengan harga tertangguh.
- iii) Membolehkan bank-bank mengumpul wang tunai dengan cepat untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan-pelanggan yang mungkin mengeluarkan wang dalam akaun-akaun mereka secara mendadak melalui penjualan dokumen dan surat-surat sekuriti yang ada dalam simpanannya⁵⁵.

4.3.2 Bay' Bithaman Ājil

Pihak Cagamas Berhad tidak terlibat secara langsung dengan kontrak *bay' bithaman ājil* dalam penerbitan bon mahupun urusniaga hutang. Kontrak ini adalah merupakan kontrak yang digunakan dalam urusan pembiayaan hutang-hutang perumahan yang dibeli oleh pihak Cagamas Berhad. Kajian ini adalah perlu untuk memastikan hutang perumahan yang dibeli oleh pihak Cagamas Berhad adalah hutang yang dibenarkan oleh syarak. Sekiranya hutang yang dibeli tidak halal, ia akan memberi kesan kepada kebersihan keuntungan yang diperolehi di sisi syarak.

a) Definisi

Bay' bithaman ājil atau *bay' al-taqsiṭ* ini adalah merupakan kontrak jualbeli biasa dengan cara pembayarannya yang berbeza iaitu ditangguhkan ke satu masa lain. *Bay' bithaman ājil* ditakrifkan sebagai menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan samada secara sekaligus atau dengan beransur-ansur (التقسيط). Ansuran tersebut sama ada berbentuk ansuran bulanan, tahunan atau tempoh tertentu menurut persetujuan kedua-dua pihak⁵⁶.

Dalam kontrak jualbeli tertangguh ini, jumlah keuntungan yang diambil oleh penjual tidak dihebahkan. Tapi apa yang berlaku dalam kontrak penjualan rumah tersebut pembeli mengetahui jumlah keuntungan yang diambil oleh pihak pembiaya. Ini menunjukkan kontrak yang digunakan sebenarnya adalah merupakan kontrak *bay' al-murābahah* iaitu penjualan dengan tambahan harga yang ditangguhkan pembayarannya. Jumlah keuntungan yang diambil dalam akad ini dijelaskan secara terperinci kepada pembeli. Walaubagaimanapun dalam kontrak *bay' al-murābahah* hanya mempunyai satu tingkat harga⁵⁷ berbeza dengan jualan *bay' bithaman ājil* yang mempunyai dua iaitu harga tunai dan harga tangguh.

b) Keharusan Kontrak *Bay' Bithaman Ājil*

Keharusan kontrak jualbeli ini tidak dipertikaikan lagi kerana kontrak ini disebut dengan jelas di dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t ⁵⁸:

واحل الله البيع وحرم الربوا

Mafhumnya : Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba⁵⁹.

Firman Allah lagi ⁶⁰:

يا ايها الذين امنوا لا تاكلوا اموالكم بينكم بالبطل الا ان تكون تجرة عن تراض منكم

Mafhumnya : *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu*⁶¹.

Terdapat Hadith yang memperkatakan tentang Rasulullah yang pernah membeli makanan daripada orang Yahudi secara bertangguh. Hadith Rasulullah dalam Sunan Ibn Mājah yang memperkatakan tentang jualan bertangguh iaitu ⁶²:

ثَلَاثَ فِيْهِنَ الرِّكَةُ الْبَيْعِ اِلَى اَجَلٍ

Mafhumnya : *Tiga golongan yang mendapat berkat iaitu jualan secara bertangguh.*

Bay' bithaman ājil ini sah disisi syarak sekiranya ia melibatkan barang yang tidak berunsurkan *ribawī*. Emas, perak dan bahan makanan dengan sama sejenis atau sesama jenis *ribawī* adalah merupakan barang *ribawī* yang disyaratkan serah menyerah di majlis yang sama. *Bay' bithaman ājil* yang dibuat oleh pembiaya perumahan secara Islam ini adalah melibatkan penjualan barang yang tidak berunsur *ribawī* iaitu rumah kediaman⁶³.

Kebiasaannya harga yang dikenakan ke atas *bay' bithaman ājil* berbeza dengan harga jualan tunai. Terdapat perselisihan pendapat mengenai perbezaan harga ini. Segolongan *fuqahā'* berpendapat

penambahan harga tersebut adalah sama seperti penambahan pada hutang kerana bertanggung. Mereka menyamakan penambahan tersebut dengan riba yang diharamkan dengan hujah⁶⁴ :

1. Urusniaga tersebut termasuk dalam pengertian riba secara umum. Mereka berpendapat sekiranya jualan secara bertanggung diharuskan berdasarkan pengertian umum *al-bay'* dalam ayat 275 *sūrah al-Baqarah*, maka ia juga boleh ditafsirkan dalam pengertian umum riba.
2. Perbezaan harga tersebut dilarang berdasarkan larangan Hadith terhadap perbuatan 'dua jualan berlaku dalam satu jualan'. *Fuqahā'* memberikan dua gambaran berlakunya jualan tangguh seperti :
 - i. Seseorang berkata ' saya jualkan baju ini kepada engkau dengan harga 10 secara tunai dan 15 secara bertanggung'. Kontrak ini tidak dibolehkan kerana harga kontrak tidak dapat dipastikan. Ketidakjelasan harga jualan ini akan merosakkan kontrak.
 - ii. Seseorang berkata ' saya jualkan hamba ini dengan 20 dinar dengan syarat engkau jualkan kepada saya hamba engkau ini dengan 10 dinar. Kontrak jual beli ini adalah tidak sah kerana wujudnya unsur syarat dalam akad.
3. Penambahan harga disebabkan bertanggung itu tidak mempunyai tukarannya. Oleh itu penambahan tersebut termasuk dalam pengertian riba iaitu penambahan tanpa tukaran.

Walaubagaimanapun perbezaan harga ini dikira sah dan halal oleh *jumhur* ulama termasuk Imām Syāfi‘ī dengan syarat kedua-dua pihak bersetuju dengan harga dan cara pembayaran tersebut. Mazhab Mālikī turut mengharuskan jual beli yang disertakan dengan pilihan harga tunai dan harga secara tangguh. Penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga tunai ini mestilah dengan persetujuan penjual dan pembeli termasuklah tempoh dan jumlah pembayaran ansuran. Mereka berhujah bahawa jualan secara bertangguh ini termasuk dalam pengertian umum jual beli yang diharuskan. Kesemua jual beli berdasarkan pengertian umum ini dibolehkan selagi tidak ada nas yang mengharamkannya⁶⁵.

Dalam amalan *bay‘ bithaman ājil* yang dilakukan oleh pembiaya perumahan tersebut, mereka akan berbincang dengan pembeli berkaitan dengan harga, kadar bayaran ansuran serta tempoh ianya tertangguh. Persetujuan akan diberikan oleh pembeli setelah mengambilkira tiga aspek tersebut. Namun demikian, sekiranya harga yang dikenakan hanyalah merupakan helah bagi mengharuskan pinjaman riba, akad tersebut adalah terbatal menurut *jumhur* ulama. Tetapi Mazhab Syāfi‘ī menerima akad tersebut sebagai sah⁶⁶.

Contoh Pengiraan Harga Jualan Rumah Secara Bertangguh ⁶⁷:

Pembelian Rumah Dengan Pembiayaan Bay' Bithaman Ājil

Harga pasaran rumah	:	RM80,000.00
Harga jualan tangguh	:	RM150,368.40
Bayaran bulanan	:	RM835.38
Tempoh bayaran	:	180 bulan
Untung	:	RM70,368.40

Sumber : Saiful Azhar Rosly (1996), ' Pelaburan Dalam Perbankan Islam',
Dataniaga, September, m.s. 45.

4.3.3 *Mudārabah*

Kontrak *muḍārabah* adalah merupakan perjanjian pelaburan yang dibuat antara pihak Cagamas Berhad dengan pelabur.

a) Definisi

Istilah *muḍārabah* adalah berasal dari perkataan *ḍarb* yang bermaksud berjalan di muka bumi⁶⁸. Pengusaha dikenali sebagai *muḍārib*⁶⁹ kerana mereka perlu berjalan dan bermusafir menjelajah kawasan lain untuk berniaga bagi mendapatkan keuntungan⁷⁰. Perkataan *muḍārabah* dalam keadaan sebenarnya ialah *muqāraḍah* yang

diambil dari perkataan *qarḍ* yang bermaksud memotong sebahagian dari harta kemudian diberikan kepada *muḍārib* sebagai pinjaman untuk mengurusniaga bagi mendapatkan keuntungan⁷¹. Istilah *muḍārabah* telah digunakan di Iraq, sementara masyarakat Arab Hijaz menyebutnya sebagai *muqāraḍah*⁷². *Muḍārabah* turut dikenali sebagai *commenda* (*commandite simple*)⁷³ di negara-negara barat⁷⁴.

Kontrak *muḍārabah* telah diinterpretasi oleh ahli ekonomi sebagai perjanjian antara dua pihak iaitu antara pengusaha (*muḍārib*) dan pemodal (*rab al-māl*)⁷⁵. Perjanjian tersebut merupakan akad perkongsian keuntungan di mana satu pihak menyediakan modal sementara satu pihak yang lain memobilisasikan dana tersebut bagi memperoleh keuntungan⁷⁶. Kedua pihak ini dikenali sebagai *muḍārib*⁷⁷ dan rakan kongsi (الشريك)⁷⁸ kerana kedua-duanya berkongsi keuntungan.

Dalam perjanjian *muḍārabah*, *muḍārib* adalah merupakan pemegang amanah atau *amīn*⁷⁹ (يد امانة) ke atas modal iaitu (راس المال). Sementara modal pula merupakan *wadī'ah* yang tertakluk di bawah hukum *wadī'ah*. Sebagai pemegang amanah, *muḍārib* bertanggungjawab untuk menjaga dan menguruskan modal sebaik mungkin. Seandainya berlakunya kerosakan terhadap modal yang disebabkan oleh kecuaiannya pengusaha

atau disengajakan, status pengusaha akan berubah kepada jaminan (يدضمانة). Sebagai pemegang jaminan, pengusaha wajib mengganti modal yang rosak tersebut. Selain itu, *muḍārib* juga adalah merupakan wakil (الوكيل) kepada pemodal dalam menjalankan perniagaan⁸⁰.

b) Keharusan Kontrak *Muḍārabah* dan Kewujudannya Di Zaman Permulaan Islam

Istilah *muḍārabah* bukanlah merupakan sesuatu yang baru dalam sistem kewangan Islam. Masyarakat Arab pada zaman *jāhiliyyah* bergantung hidup kepada perniagaan untuk menyara kehidupan. Walaubagaimanapun mereka tidak dapat menjalankan perniagaan secara sendiri akibat kekangan jarak serta masa yang perlu diambil untuk menguruskan perniagaan. Oleh demikian mereka hanya melaburkan modal mereka kepada para *kafilah* dengan berkongsi keuntungan⁸¹.

Rasulullah sendiri telah meneruskan amalan tersebut semasa beliau menjalankan perniagaan Saidatina Khadijah⁸² secara *caravan trade*⁸³ dengan membawa barang dagangan ke Syam bersama Maysarah⁸⁴. Para sahabat Rasulullah turut mengamalkan kontrak *muḍārabah* secara meluas selepas kedatangan Islam tanpa mendapat sebarang tentangan daripada

Rasulullah⁸⁵. Pendapat mengenai kewujudan muamalah berbentuk *muḍārabah* ini pada zaman Rasulullah adalah diperolehi daripada kenyataan para sahabat Rasulullah s.a.w.⁸⁶ termasuk Abū Na‘im⁸⁷.

Para sahabat seperti ‘Abbās Ibn ‘Abd al-Muṭṭalib dan Ḥākim Ibn Ḥizām pernah menjalankan aktiviti *muḍārabah* dengan syarat tertentu dan didapati Rasulullah tidak membantah perbuatan mereka⁸⁸. Sayidina ‘Abbās telah menyerahkan hartanya kepada rakannya untuk diperniagakan menggunakan akad *muḍārabah* dengan mensyaratkan harta tersebut tidak dibawa menyeberang laut, menurun lembah dan membeli binatang hidup. Sekiranya syarat tersebut dilanggar, rakannya perlu membayar ganti rugi. Peristiwa ini telah dibawa kepada Rasulullah dan baginda membenarkannya⁸⁹.

Qāsim Ibn Muḥammad, salah seorang sahabat Rasulullah mengatakan bahawa mereka telah menyimpan sebahagian daripada simpanan dengan ‘Āishah r.a. yang meminjamkannya menggunakan kontrak *muḍārabah* bagi tujuan perniagaan. Saidina ‘Umar r.a. juga pernah membuat kontrak *muḍārabah* dengan Zaid Ibn Khulaidā⁹⁰ serta menjalankan aktiviti *muḍārabah* bagi pihak *bait al- mā’*⁹¹. Bahkan ramai lagi di kalangan sahabat Rasulullah yang melakukan kontrak *muḍārabah*

termasuk ‘Uthmān, ‘Alī, ‘Abd Allāh ibn Mas‘ūd dan ‘Abd Allāh ibn ‘Umar⁹².

Para *fuqahā’* juga telah bersepakat mengatakan bahawa kontrak *muḍārabah* diharuskan melalui al-Quran, al-Sunnah, *al-ijmā‘* dan *al-qiyās*. Allah s.w.t ada menyebut tentang amalan mengembangkan harta dan wang dengan cara *muḍārabah* dalam firmanNya ⁹³.

واخرون يضربون في الارض يبتغون من فضل الله

Mafhumnya : Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.

Firman Allah lagi dalam *sūrah al-Jum‘ah* ⁹⁴:

فاذا قضيت الصلوة فانتهروا في الارض وابتعوا من فضل الله واذكروا الله كثيرا لعلكم تفلحون

Mafhumnya : Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertaburanlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak(dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).

Terdapat juga beberapa Hadith Rasulullah s.a.w. yang menyebut tentang *muḍārabah* secara umum. Antaranya riwayat Ṣuhayb yang disampaikan oleh Ibn Mājah, Rasulullah s.a.w. bersabda ⁹⁵:

عن صالح بن صهيب عن ابيه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
ثلاث فيهن البركة البيع الى اجل المقارضة واحلاط البر بالشعير للبيت لا للبيع

Mafhumnya : Tiga perkara yang diberkati adalah penjualan bertanggung, *muqāradah* dan mencampurkan gandum dengan barli untuk kegunaan di rumah bukan untuk dijual.

Ibn Mājah meriwayatkan lagi bahawa Rasulullah pernah bersabda⁹⁶ :

Mafhumnya : “Kemakmuran terdapat dalam *muḍārabah*.”

Muḍārabah diharuskan menurut *ijmāc* di mana sekumpulan para sahabat telah menyerahkan harta anak yatim untuk dimuḍārabahkan tanpa mendapat bingkisan dari *fuqahā'*. *Muḍārabah* turut diharuskan berdasarkan dalil *qiyās*. Kontrak *muḍārabah* ini telah diqiyāskan dengan *musāqah* (kontrak menjaga tanaman) kerana ianya diperlukan oleh masyarakat⁹⁷.

Ibn Hazm menukilkan dalam bukunya *Marātib al-Ijmāc* bahawa kesemua bab dalam perbincangan ilmu *fiqh* adalah berasaskan al-Quran

dan al-Sunnah kecuali *qirāḍ*⁹⁸. Istilah *qirāḍ* ini mempunyai maksud yang sama dengan *muḍārabah*⁹⁹. Hampir keseluruhan *fuqahā'* bersepakat mengharuskan kontrak *muḍārabah* ini¹⁰⁰.

Walaupun terdapat Hadith dan juga bukti pengamalan para sahabat mengenai kontrak *muḍārabah* ini namun tidak terdapat sebarang bentuk perbincangan khusus mengenai kontrak *muḍārabah* ini dalam al-Quran mahupun al-Hadith¹⁰¹. Para *fuqahā'* mengatakan adalah satu keperluan bagi masyarakat untuk menggunakan kaedah *muḍārabah* ini untuk kebajikan masyarakat. Mereka telah membuat perincian secara khusus mengenai kontrak *muḍārabah* selaras dengan prinsip yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah¹⁰².

Pensyariatan *muḍārabah* ini mempunyai hikmah yang tersendiri kerana ia adalah merupakan satu keperluan penting demi menjaga kemaslahatan muamalat di kalangan masyarakat. Wujudnya sikap saling membantu antara pemodal yang mempunyai lebih modal dengan pengusaha yang mempunyai kepakaran dan pengalaman. Gabungan usaha sama daripada kedua pihak akan memenuhi matlamat kedua-dua pihak yang mendapat pulangan berbentuk keuntungan¹⁰³.

c) **Rukun Muḍārabah**

Mazhab Ḥanafī mengatakan bahawa rukun *muḍārabah* terdiri dari *ijāb* dan *qabūl*. Walaubagaimanapun *Jumhur fuqahā'* membahagikan rukun *muḍārabah* kepada tiga iaitu¹⁰⁴ :

i. **Pihak Yang Berkontrak**

Pihak yang berkontrak dalam akad *muḍārabah* (*trust financing*) adalah terdiri daripada pemodal iaitu *rab al-māl* (*beneficial owner or sleeping partner*) dan pengusaha iaitu *muḍārib* (*managing trustee or labour partner*)¹⁰⁵. Pemodal adalah pihak yang menyediakan modal untuk diusahakan. Sementara *muḍārib* pula adalah merupakan pengusaha yang berperanan untuk memobilisasikan modal¹⁰⁶ *muḍārabah* untuk mendapat keuntungan dengan menjalankan perniagaan. *Muḍārib* juga merupakan wakil kepada pemodal untuk melaksanakan perniagaan. Oleh yang demikian *muḍārib* berhak untuk melakukan apa jua tindakan yang difikirkan baik bagi perniagaan yang diusahakan¹⁰⁷. Kedua-dua pihak disyaratkan layak untuk mewakilkan serta menerima wakil (*ahliyah al-tawkīl wa al-wakālah*)¹⁰⁸.

ii. Modal dan Perniagaan

Modal bagi kontrak *muḍārabah* ini disyaratkan sumbangan daripada pihak pemodal sahaja. Sekiranya pengusaha turut menyediakan modal, status pengusaha telah bertukar kepada pemilik kepada perniagaan atau perusahaan¹⁰⁹ yang dijalankan bukan lagi sebagai *muḍārib*. Kontrak *muḍārabah* tersebut akan terbatal dengan sendirinya. Pengusaha juga disyaratkan menggunakan modal tersebut bagi menjalankan perusahaan yang halal sahaja¹¹⁰. Modal *muḍārabah* tersebut hendaklah diserahkan kepada pengusaha sebaik sahaja selesai perjanjian atau *ijāb* dan *qabūl*. Kontrak *muḍārabah* ini boleh dibubarkan pada bila-bila masa sebelum pengusaha memulakan perniagaannya¹¹¹.

Dalam masalah bentuk modal yang boleh dilaburkan ke dalam kegiatan *muḍārabah* ini, para *fuqahā'* mempunyai pandangan yang berbeza. Menurut *jumhur fuqahā'* modal mestilah dalam bentuk wang tunai, emas atau perak¹¹². Bagi Mazhab Ḥanafī, mereka berpendapat modal tersebut mestilah dalam bentuk wang. Akad *muḍārabah* tersebut dianggap tidak sah sekiranya penyertaan modal dibuat dalam bentuk barang¹¹³ menurut pandangan Ḥanafī¹¹⁴, Mālikī¹¹⁵, Syāfi'ī dan Ḥanbalī¹¹⁶. Mazhab Syāfi'ī dan Ḥanbalī berpendapat modal tersebut mestilah dalam bentuk sejumlah wang yang tertentu. Manakala setengah daripada pengikut Mazhab

Mālikī pula mengharuskan penyertaan modal dalam bentuk barang dan segolongan yang lain berpendapat sebaliknya¹¹⁷.

Pendirian Zāhiriyyah dalam masalah bentuk penyertaan modal ini adalah berbeza. Mereka mengiktiraf modal dalam bentuk wang serta barang. Penyertaan dalam bentuk barang tersebut dibolehkan dengan syarat pemodal menyuruh secara khusus kepada pengusaha supaya menjual barang tersebut dan hasil jualan itu kemudiannya digunakan oleh pengusaha untuk tujuan *muḍārabah*¹¹⁸. Abū Ḥanīfah, Mālik dan Aḥmad turut mengharuskan penyertaan modal yang disandarkan kepada harga barang. Imām al-Syāfi'ī tidak mengharuskan bentuk penyertaan modal yang disandarkan kepada harga barang ini dengan alasan harga barang tersebut tidak diketahui¹¹⁹.

Tujuan utama penyertaan modal dalam bentuk wang adalah untuk memudahkan penentuan kadar modal dan juga keuntungan¹²⁰. Sebaliknya modal berbentuk barang adalah *gharar*¹²¹ yang akan menyusahkan pengiraan untung. Ini adalah kerana nilai barang sentiasa mengalami perubahan selari dengan perubahan masa dan keadaan serta terdapat unsur penipuan¹²².

Secara kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa syarat bagi modal *muḍārabah* adalah seperti seperti berikut ¹²³:

- a. Modal hendaklah berbentuk emas, perak atau wang tunai yang sah digunakan¹²⁴. Modal dalam bentuk *aqar* (harta tak alih) seperti hartanah atau *manqūl* (harta alih) seperti binatang ternakan tidak dibolehkan¹²⁵ kecuali pemilik harta berkenaan mewakili pengusaha supaya menjual harta tersebut dan hasil jualan itu digunakan sebagai modal *muḍārabah*. Perjanjian *muḍārabah* hanya sah setelah wang hasil jualan hartanah atau barang diperolehi.
- b. Jumlah modal hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak.
- c. Modal tersebut hendaklah wujud dan diserahkan kepada pengusaha. Oleh yang demikian wang hutang tidak sah untuk dijadikan modal kecuali pemiutang menyuruh penghutang menggunakan wang untuk tujuan *muḍārabah*.
- d. Modal itu hendaklah diserahkan kepada pengusaha untuk digunakan bagi tujuan *muḍārabah*.

Dalam kontrak *muḍārabah*, modal masih menjadi hakmilik pemodal. Oleh yang demikian pengusaha tidak boleh membeli atau menjual barang kepada pemodal menggunakan wang modal. Ini adalah

kerana barang dan wang tersebut adalah merupakan milik pemodal sendiri¹²⁶.

Perniagaan juga merupakan salah satu antara rukun *muḍārabah*. Imām Syāfiʿī membolehkan pemodal membuat penentuan bentuk perniagaan yang perlu dijalankan. Walaubagaimanapun Imām Syāfiʿī¹²⁷ dan Imām Mālikī berpendapat bentuk perniagaan yang dibenarkan hanyalah urusan jualbeli¹²⁸. Imām Syāfiʿī berpendapat *muḍārabah* dalam perusahaan perindustrian adalah tidak sah kerana aktiviti perindustrian boleh dikawal dan hampir boleh diramalkan¹²⁹ tanpa mempunyai risiko yang besar berbanding perniagaan jualbeli.

iii. *Sighah*

Lafaz tawaran atau *ijāb* bagi akad ini mestilah menggunakan perkataan *muḍārabah*, *muqāraḍah* atau lafaz-lafaz lain yang mempunyai makna yang sama. Sementara lafaz penerimaan atau *qabūl* dibuat dengan mengatakan aku setuju atau perkataan-perkataan lain yang menggambarkan persetujuan. Kontrak *muḍārabah* akan terbentuk setelah adanya *ijāb* dan *qabūl*¹³⁰.

d) **Tempoh *Muḍārabah***

Mazhab Ḥanafī, Ḥanbalī¹³¹ dan Zaidiyyah¹³² mengharuskan penentuan tempoh *muḍārabah* dibuat. Ḥanafī berhujah, pemodal selaku wakil berhak serta mempunyai kebebasan untuk menentukan tempoh *muḍārabah*. Walaubagaimanapun pendapat ini mendapat tentangan daripada al-Ṭaḥawī yang mengatakan tempoh *muḍārabah* tidak boleh ditentukan. Pendapat tersebut diqiyaṣkan kepada *wakālah* iaitu sekiranya seorang lelaki mewakili hambanya untuk membeli pada hari tersebut kemudian belian tersebut dilakukan keesokannya, *wakālah* itu dibolehkan kerana ianya *wakālah mutlak*¹³³. Mazhab Mālikī¹³⁴, Syāfiʿī¹³⁵, Imāmiyyah¹³⁶ dan Zāhiriyyah¹³⁷ sebaliknya mengatakan akad *muḍārabah* tidak boleh ditentukan atau dihadkan¹³⁸.

e) **Jenis *Muḍārabah***

Terdapat tiga jenis *muḍārabah* iaitu :

i. ***Muḍārabah Muṭlaqah***

Muḍārabah muṭlaqah adalah *muḍārabah* yang dilakukan secara mutlak tanpa sebarang syarat dan sekatan¹³⁹. Pemodal menyerahkan

modal untuk tujuan *muḍārabah* tanpa menentukan jenis perniagaan, tempat perniagaan serta tempoh¹⁴⁰. Al-Sarakhsi mengatakan bahawa kebebasan diberikan secara langsung kepada *muḍārib* oleh pemodal dengan ucapan ' Kamu jalankanlah sepertimana yang kamu rasakan patut'¹⁴¹.

ii. *Muḍārabah Muqayyadah*

Muḍārabah muqayyadah pula merupakan kontrak *muḍārabah* yang dibuat dengan mengenakan syarat-syarat serta sekatan yang tertentu. Pihak pemodal mensyaratkan *muḍārib* menjalankan perniagaan, tempat perniagaan atau masa perniagaan yang tertentu¹⁴². *Muḍārib* mestilah patuh kepada segala syarat yang ditentukan tersebut. Sekiranya berlaku kerugian akibat dari keingkaran *muḍārib* dari memenuhi syarat tersebut, ianya akan ditanggung oleh *muḍārib* sepenuhnya¹⁴³.

iii. *Muḍārabah ‘Alā Asās al-Safaqah al-Mu‘ayyanah*

Muḍārabah ini adalah berasaskan perniagaan tertentu yang merupakan konsep *muḍārabah* baru yang diambil dari prinsip asal *muḍārabah* iaitu *mutlaqah* dan *muqayyadah*. Konsep baru ini memudahkan

muḍārib untuk memasuki pelbagai bidang perniagaan mengikut sektor-sektor yang khusus¹⁴⁴.

f) **Syarat-Syarat Kontrak *Muḍārabah***

Para *fuqahā'* dari mazhab Ḥanafi, Mālikī, Syāfi'ī dan Ḥanbali telah bersepakat mengharuskan kontrak *muḍārabah* dengan syarat¹⁴⁵ :

1. Perjanjian dibuat antara dua individu atau lebih secara sukarela. Satu pihak mengeluarkan modal tertentu, sementara satu pihak lagi akan memobilisasikan modal tersebut untuk tujuan mendapat keuntungan yang akan dikongsi secara bersama menurut nisbah yang dipersetujui.
2. Perkongsian keuntungan itu ditetapkan berdasarkan nisbah yang dipersetujui dan bukannya sejumlah wang atau nilai lain seperti setahil emas atau perak. Sekiranya berlaku sebarang kerugian yang bukan atas kecuaiian pengusaha, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal. Pengusaha hanya mengalami kerugian atas segala usaha dan titik peluhnya yang tidak mendapat sebarang gaji atau ganjaran.
3. Modal tersebut mestilah diserahkan kepada *muḍārib* untuk tujuan *muḍārabah* pelaburan bagi tujuan mengusahakan sesuatu perniagaan.

4. Pengusaha adalah bebas untuk menggunakan modal pelaburan untuk tujuan perniagaan mengikut kaedah yang dirasakan terbaik untuk memaksimumkan keuntungan.
5. Tempoh perkongsian tidak terhad atau ditentukan untuk tempoh tertentu terlebih dahulu. Walaubagaimanapun mereka berhak untuk menamatkan kontrak perkongsian. Sekiranya tempoh perkongsian dihadkan kepada tempoh tertentu ia akan mengekang pengusaha untuk merancang dan melaksanakan projek-projek jangka panjang.
6. Untuk kebaikan kedua-dua pihak, tempoh minimum perkongsian perlu ditetapkan. Ini bermakna, selepas daripada tempoh tersebut mereka berhak untuk meneruskan atau menamatkan kontrak perkongsian dengan memberi notis terlebih dahulu.

g) Perkongsian Keuntungan dan Kerugian

Prinsip pengagihan untung rugi dalam *muḍārabah* ialah keuntungan mengikut apa yang dipersetujui manakala kerugian mengikut nisbah sumbangan modal masing-masing. Prinsip asasnya ialah pemodal bersedia untuk menanggung risiko bagi pelaburan modalnya sementara *muḍārib* pula sanggup menanggung risiko terhadap masa dan usahanya¹⁴⁶. Pembahagian kadar keuntungan mestilah dinyatakan dalam akad. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut kemudiannya akan dibahagikan antara mereka berdasarkan nisbah yang

telah dipersetujui dalam perjanjian *muḍārabah*¹⁴⁷. Perkongsian keuntungan dalam kontrak *muḍārabah* ini adalah dibenarkan oleh syarak¹⁴⁸

i) Definisi Keuntungan

Sarjana Islam mendefinisikan¹⁴⁹ keuntungan sebagai pulangan daripada projek yang dijalankan dan perbezaan antara nilai jualan bagi projek tersebut bagi tempoh yang berturutan. Maksud keuntungan dalam kontrak *muḍārabah* adalah pertambahan yang berlaku ke atas modal¹⁵⁰.

Keuntungan adalah diperolehi daripada aset tetap dan aset semasa. Hanya keuntungan yang terhasil daripada aset semasa dikira sebagai keuntungan dalam perkongsian *muḍārabah*. Sebaliknya keuntungan yang diperolehi daripada aset tetap adalah menjadi milik mutlak pemodal¹⁵¹.

ii) Definisi Kerugian

Kerugian pula didefinisikan oleh ulama Imām Ḥanafī iaitu Shams al-Din al-Sarakhsī sebagai bahagian modal yang dihapuskan¹⁵². Sheikh ʿAlī al-Khafīf mengatakan kekurangan atau kerugian akan diagihkan mengikut kadar modal sebenar. Kerugian yang berlaku dalam perniagaan adalah merupakan pengurangan modal dan ditanggung oleh pemodal

sepenuhnya¹⁵³ dan bukannya natijah dari usaha yang dilaksanakan oleh pengusaha¹⁵⁴. Oleh demikian pihak yang bekerja iaitu pengusaha tidak boleh bertanggungjawab ke atas kerugian yang berlaku. Pendapat ini disepakati oleh semua *fuqahā'* mazhab¹⁵⁵.

iii) Agihan Keuntungan

Dalam kontrak *muḍārabah*, pemodal adalah berhak untuk mendapat keuntungan hasil daripada modal yang dilaburkan. Sementara pengusaha pula berhak untuk sama-sama menikmati keuntungan sebagai ganjaran kepada usaha yang dilaksanakan¹⁵⁶.

Para *fuqahā'* telah bersepakat bahawa pembahagian keuntungan hendaklah ditentukan berdasarkan kadar atau peratusan¹⁵⁷. Sekiranya sejumlah tertentu keuntungan ditetapkan dalam perjanjian *muḍārabah* contohnya sebanyak RM10,000.00, kontrak tersebut menjadi batal dengan sendirinya¹⁵⁸. Menurut Ibn Mundir sekiranya salah seorang atau kedua pihak menentukan jumlah tertentu untuk dirinya, kontrak *muḍārabah* tersebut akan terbatal¹⁵⁹. Mazhab Syāfi'ī¹⁶⁰, Mālikī dan Zaidiyyah¹⁶¹ berpendapat kadar pembahagian keuntungan antara pengusaha dan pemodal adalah wajib ditentukan¹⁶². Sekiranya nisbah keuntungan tidak dinyatakan atau tidak jelas dalam perjanjian, kontrak *muḍārabah* tersebut

dikira batal¹⁶³ menurut Mazhab Ḥanafī¹⁶⁴ dan Ḥanbalī¹⁶⁵. Sekiranya disyaratkan seluruh keuntungan diberikan kepada pemodal, kontrak tersebut akan bertukar menjadi kontrak hutang (*al-qarḍ*) menurut Mazhab Ḥanafī¹⁶⁶ dan Ḥanbalī¹⁶⁷. Mazhab Syāfi‘ī dan Imāmiyah¹⁶⁸ pula menyifatkan kontrak tersebut sebagai *muḍārabah* yang *fāsid*¹⁶⁹. Ini adalah kerana *muḍārabah* merupakan akad perkongsian untung¹⁷⁰. Menurut Mazhab Ḥanafī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī sekiranya akad *muḍārabah* didapati terbatal atau *fāsid*, pengusaha berhak untuk mendapat upah sebagai pekerja. Ini adalah kerana status pemodal dan pengusaha telah bertukar menjadi majikan dan pekerja¹⁷¹.

Menurut Mazhab Ḥanafī, pengagihan keuntungan hanya boleh dilakukan setelah modal asal dikembalikan kepada pemodal. Pembahagian keuntungan yang dilakukan sebelum modal dipulangkan kepada pemodal adalah tidak sah¹⁷². Imām Syāfi‘ī pula sebaliknya berpendapat pembahagian keuntungan yang dilakukan sebelum pemulangan modal asal kepada pemodal adalah sah dan dibolehkan. Tetapi sekiranya didapati modal asal berkurangan dari jumlah asal, keuntungan yang telah dibahagikan kepada pengusaha dan pemodal akan ditarik balik¹⁷³.

Mazhab Ḥanbalī pula mengatakan pengusaha hanya boleh menuntut bahagian keuntungannya setelah modal dikembalikan kepada pemodal. Seandainya berlaku kerugian setelah penukaran modal kepada tunai ianya akan ditanggung oleh keuntungan yang telah diagihkan itu. Sekiranya perjanjian *muḍārabah* baru dilakukan selepas penamatan kontrak dibuat, keuntungan baru yang diperolehi tidak boleh digunakan untuk menampung kerugian kontrak *muḍārabah* sebelumnya¹⁷⁴.

Pembahagian keuntungan antara rakan kongsi boleh dibuat pada akhir tempoh perkongsian atau diagihkan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Syāfiʿī berpendapat hak pengusaha ke atas keuntungan telah ditetapkan sebelum pengagihan keuntungan apabila sesuatu keuntungan terakru¹⁷⁵.

Menurut Mazhab Ḥanbalī, pengagihan keuntungan perlu dibuat pada akhir tempoh perjanjian. Namun demikian sekiranya pemodal bersetuju untuk membayar keuntungan secara berperingkat sebelum tamat kontrak ianya dikira sah tetapi hanyalah berbentuk keuntungan sementara. Pada akhir tempoh kontrak, jumlah keuntungan yang telah dibayar perlu dikembalikan untuk pengiraan keuntungan¹⁷⁶ dan kemudiannya diagihkan antara keduanya.

Terdapat tiga asas pembahagian keuntungan dalam sistem kewangan Islam iaitu ¹⁷⁷ :

1. Cara pembahagian keuntungan hendaklah ditentukan ketika permulaan operasi. Setiap rakan kongsi hendaklah mengetahui bahagian yang akan mereka perolehi daripada keuntungan syarikat.
2. Pembahagian kadar keuntungan hendaklah ditentukan dalam bentuk nisbah atau pecahan seperti setengah, satu pertiga dan seumpamanya.
3. Setiap rakan kongsi mempunyai bahagian masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

iv) Tanggungan Kerugian

Dalam kontrak *muḍārabah* liabiliti kerugian adalah menjadi tanggungan pemodal sepenuhnya. Ini adalah kerana kerugian *muḍārabah* mengikut modal yang disumbangkan sedangkan pengusaha tidak menyumbang sebarang modal. Menurut mazhab Māliki¹⁷⁸ dan Syāfi'i¹⁷⁹ sekiranya perniagaan yang diusahakan mengalami kerugian, pengusaha tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar kerugian sebaliknya pemodal akan menanggung kerugian tersebut dengan memotong sebahagian dari modal. Namun demikian sekiranya kerugian yang

berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pengusaha, ia akan ditanggung secara sepenuhnya oleh pengusaha¹⁸⁰.

Ini adalah merupakan keadilan yang ditonjolkan oleh sistem kewangan Islam, di mana kedua-dua pihak sama-sama menanggung kerugian tetapi dalam bentuk yang berlainan. Pemodal menanggung kerugian berbentuk material iaitu modal pelaburan sementara pengusaha mengalami kerugian dalam bentuk tenaga serta usaha.

f) Tanggungan Perbelanjaan Pengurusan

Dalam kontrak *muḍārabah* ini segala kos perbelanjaan pihak *muḍārib* yang digunakan untuk menjalankan perniagaan adalah menjadi tanggungan perniagaan¹⁸¹. Kos perbelanjaan itu hendaklah diambil dari keuntungan sekiranya ada, atau diambil dari modal¹⁸².

4.3.4 *Al-Qarḍ* (Pinjaman)

Pinjaman atau *al-qarḍ* adalah antara elemen penting dalam operasi penerbitan bon. Berikut adalah huraian ringkas mengenai pinjaman dari pandangan Islam.

a) Definisi

Al-qarḍ (pinjaman) mempunyai maksud umum yang sama dengan *al-bayʿ* (jual beli) kerana kedua-duanya merupakan kontrak yang memberikan pemilikan harta dengan harta¹⁸³. Bahkan terdapat segolongan *fuqahā'* mendefinisikan *al-qarḍ* sebagai jualbeli. Namun demikian menurut al-Qarafi, *al-qarḍ* dan *al-bayʿ* adalah merupakan dua perkara yang berbeza. Terdapat dua jenis pinjaman yang mempunyai sedikit perbezaan iaitu *al-qarḍ* dan *al-ʿāriyah*. Hutang *al-qarḍ* mempunyai perbezaan dengan *al-ʿāriyah*. *Al-qarḍ* hanya melibatkan barang atau komoditi yang boleh ditimbang, sukat atau bilang (*fungible commodities*) sementara *al-ʿāriyah* pula melibatkan pinjaman manfaat¹⁸⁴.

Dari sudut bahasa, *al-qarḍ* memberi maksud *al-qatʿū* iaitu potong¹⁸⁵. Ini adalah kerana sebahagian daripada harta individu tertentu diambil atau dipotong untuk diberikan kepada orang yang ingin meminjam¹⁸⁶. Oleh demikian pinjaman tersebut dinamakan *al-qarḍ*. Menurut istilah pula Mazhab Ḥanafi¹⁸⁷ mendefinisikan *al-qarḍ* sebagai pemberian harta *mithlī* oleh seorang individu kepada individu lain yang mesti dikembalikan semula¹⁸⁸. *Al-Qarḍ* juga diistilahkan sebagai suatu kontrak yang menyempurnakan pemilikan harta seseorang kepada seorang yang lain dengan tujuan kebajikan sehinggalah harta yang mempunyai

persamaannya dikembalikan semula kepada tuannya¹⁸⁹. *Al-qard* juga mempunyai pengertian sebagai *muḍārabah*¹⁹⁰.

b) Keharusan Meminjam

Fuqahā' mengharuskan amalan meminjam berdasarkan penafsiran hadith-hadith Rasulullah. Antaranya Hadith yang diriwayatkan oleh Anas Ibn Mālik¹⁹¹:

عن انس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : رايته ليلة اسرى بي على باب الجنة مكتوبا الصدقة بعشر امثلها، والقرض بشمانية عشر، فقلت : يا جبريل ما بال القرض افضل من الصدقة؟ قال : لان السائل يسال ما عنده والمستقرض لا يستقرض الا ما حاجة .

Mafhumnya : Pada malam aku diisra'kan (mikraj) aku melihat tulisan dipintu syurga, pahala sedekah adalah 10 kali ganda dan pahala memberi pinjam adalah 18 kali ganda. Aku bertanya Jibrail kenapa memberi pinjam lebih banyak pahalanya daripada sedekah? Jawabnya, kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedangkan dia mempunyai harta. Tetapi orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali kerana sesuatu keperluan.

Riwayat Ibn Mas'ūd bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda ¹⁹²:

عن ابن مسعود ان النبي صلى الله عليه وسلم قال : ما من مسلم يقرض مسلما قرضا مرتين الا كان كصدقة مرة.

Mafhumnya : *Seseorang muslim yang memberi pinjam kepada seorang muslim lain sebanyak dua kali adalah seperti bersedekah sekali.*

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah turut menunjukkan keharusan meminjam iaitu sebagaimana sabda Rasulullah ¹⁹³:

ان النبي صلى الله عليه وسلم قال : من كشف عن مسلم
كربة من كرب الدنيا، كشف الله عنه كربة من كرب يوم
القيامة، والله في عون العبد ما دام العبد في عون اخيه

Mafhumnya : *Sesiapa yang melepaskan seseorang muslim daripada sesuatu kesukaran dunia, Allah akan melepaskannya salah satu daripada kesukaran di hari akhirat. Sesiapa yang memberi kemudahan kepada seorang yang menghadapi sesuatu kesusahan maka Allah memudahkannya di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah membantu hambaNya selama mana hamba itu membantu saudaranya.*

Hadith-hadith tersebut begitu jelas menggambarkan aktiviti pinjaman adalah dibenarkan. Bahkan pahala yang diperolehi dari aktiviti memberi pinjam adalah lebih tinggi berbanding dengan bersedekah. Amalan memberi pinjam kepada golongan yang memerlukan adalah merupakan satu amalan yang mulia di sisi Allah s.w.t.. Allah sendiri telah menjanjikan pertolongan kepada orang yang membantu saudaranya yang memerlukan dengan memberi pinjam.

c) **Kontrak Pinjaman**

Dalam kontrak pinjaman, *ijāb* dan *qabūl* adalah merupakan dua elemen penting yang menentukan kesahihan kontrak. Ini adalah kerana ia melibatkan pertukaran hak pemilikan sepertimana kontrak jualbeli dan *hibah*¹⁹⁴. Kontrak ini hanya layak dilakukan oleh seorang yang mampu *bertaṣarruf* iaitu individu yang dibenarkan oleh syarak menguruskan harta. Lafaz yang boleh digunakan dalam kontrak pinjaman ini samada *al-qarḍ* atau *al-salaf* sepertimana yang digunakan dalam al-Quran atau pun perkataan-perkataan lain yang memberi maksud pinjaman.

d) **Kategori Barang Yang Boleh Dipinjamkan**

Kategori barang-barang yang sah untuk dipinjamkan bagi Mazhab Ḥanafī dibezakan dengan pengkelasan harta *mithlī* dan harta *qīmī*. Harta *mithlī* adalah terdiri daripada barang yang mempunyai pengganti yang serupa dari segi rupa bentuk dan saiz di pasaran. Harta *mithlī* ini terdiri barang yang diukur dengan sukatan, timbangan dan bilangan. Sementara harta *qīmī* adalah merupakan barang yang tidak mempunyai pengganti yang serupa seperti tanah, binatang peliharaan dan rumah kediaman. Mazhab Ḥanafī menegaskan bahawa hanya harta *mithlī* sahaja yang sah

dipinjamkan sementara harta *qīmī* tidak boleh diperhutangkan kerana tidak mungkin ianya dapat dipulangkan dengan barang yang serupa¹⁹⁵.

Menurut pandangan Mazhab Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī pula barang yang harus diberi pinjam adalah barang yang sah dijual salam. Ini bermakna harta *qīmī* turut sah diberi pinjam kerana Rasulullah mengharuskan penjualan unta iaitu harta *qīmī* secara jual salam. Sabda Rasulullah s.a.w.¹⁹⁶ :

عن ابو رافع ان النبي صلى الله عليه وسلم استسلف من رجل بكرا

Mafhumnya : *Berjual beli secara salam unta dara.*

Manakala barang yang sukar dijumpai seperti permata tidak boleh diberi pinjam kerana setiap pinjam wajib dipulangkan dengan barang yang serupa. *Jumhur fuqahā'* telah membuat kesimpulan berdasarkan pandangan-pandangan tadi bahawa barang yang sah dijualbeli adalah sah diberi pinjam. Ibn Taimiyah pula berpendapat manfaat barang turut boleh dipinjamkan seperti mendiami rumah. Walaubagaimanapun pendapat ini tidak disokong oleh *fuqahā'* lain¹⁹⁷.

e) Pemilikan Barang Pinjaman

Menurut Imām Abū Ḥanīfah, Muḥammad, *fuqahā'* Mazhab Syāfi'i dan Ḥanbali, pemilikan barang hutang akan berpindah ke tangan peminjam apabila barang tersebut diserahkan kepada peminjam dalam akad pinjaman. Peminjam mempunyai hak ke atas barang pinjam dengan pemindahan pemilikan tersebut termasuklah hak penjagaan. Oleh demikian pemberi pinjam tidak mempunyai hak untuk menuntut semula barang pinjaman asal kerana peminjam hanya wajib memulangkan barang yang serupa¹⁹⁸. Abū Yūsuf berpendapat pemberi pinjam tidak mempunyai hak milik ke atas barang pinjaman selagi kontrak pinjaman masih berjalan¹⁹⁹. Sementara *fuqahā'* Mālikī berpendapat pemilikan akan berpindah secara automatik dan tidak tertakluk kepada serahan bagi kontrak kebajikan seperti pinjaman, *hibah* dan sedekah²⁰⁰.

f) Bentuk Dan Jenis Pinjaman

Pada umumnya terdapat dua bentuk *qarḍ* iaitu *qarḍ al-istiḥlāk* dan *qarḍ al-intāj*. *Qarḍ al-istiḥlāk* atau *qarḍ dhi al-hājah* adalah merupakan pinjaman untuk memenuhi keperluan hidup seperti makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya. Pinjaman ini juga dikenali sebagai

pinjaman kepenggunaan atau konsumtif. Sementara *qarḍ al-intāj* adalah pinjaman produktif yang dibuat untuk tujuan pelaburan²⁰¹.

Manakala terdapat dua jenis hutang berdasarkan tempoh pembayaran iaitu *dayn al-ḥāl* dan *dayn al-muajjal*. *Dayn al-ḥāl* adalah hutang yang sudah sampai tempoh pelunasan dan mesti dipulangkan²⁰² apabila diminta oleh pemiutang. Sementara *dayn al-muajjal* adalah hutang yang ditangguhkan pembayarannya ke satu tempoh tertentu. Penghutang tidak dimestikan membayar hutang sebelum sampai tempoh pembayaran. Walaubagaimanapun sekiranya hutang tersebut dijelaskan sebelum tempoh pembayaran ia dibolehkan dan gugurlah tanggungjawab penghutang²⁰³.

g) Pembuktian Hutang atau Pinjaman Dengan Catitan

Suruhan untuk menulis hutang atau pinjaman yang dibuat telah disebut secara jelas dalam al-Quran dalam *sūrah al-Baqarah* ayat 282. Walaubagaimanapun para *fuqahā'* telah berselisih pendapat mengenainya²⁰⁴ :

- i. *Jumhur fuqahā'* iaitu Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat harus hutang dicatat atau ditulis sebagai bukti hutang. Tulisan tersebut sah untuk dijadikan bukti wujudnya hutang.
- ii. Sementara sebahagian *fuqahā'* Syāfi'ī, Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat pembuktian hutang tidak boleh dilakukan dengan tulisan semata-mata. Penulisan tersebut perlu disokong dengan saksi bagi menghilangkan rasa syak dan kurang yakin.

Fuqahā' juga telah berselisih pendapat mengenai hukum menulis hutang atau pinjaman. *Jumhur fuqahā'* berpendapat bahawa menulis hutang adalah sesuatu yang diharuskan bukannya wajib. Suruhan Allah s.w.t. dengan perkataan *faktubūh* adalah merupakan saranan dan galakan kepada pemiutang yang bimbang akan terlupa hutangnya atau berlakunya penafian terhadap wujudnya hutang tersebut. Sementara Ibn Jarir al-Ṭabari pula berpendapat hukum menulis hutang adalah wajib berdasarkan maksud perkataan *faktubūh*. Suruhan tersebut menunjukkan ianya wajib dilaksanakan²⁰⁵.

h) Prinsip Pembiayaan Hutang Islam

Pembiayaan Islam mempunyai tiga prinsip penting yang mesti dipatuhi iaitu ²⁰⁶ :

1. Bebas daripada pengambilan atau bayaran faedah atau riba
2. Keuntungan mestilah dijana berdasarkan usaha dan pengambilan risiko.
3. Tanggungan kerugian mestilah ditanggung oleh semua pihak yang terlibat dengan pembiayaan.

4.3.5 *Al-Wakālah*

Konsep *wakālah* ini juga digunakan oleh Cagamas iaitu *mudārib* sebagai wakil kepada pemodal iaitu pemegang bon dalam menggunakan modal untuk tujuan mencari keuntungan.

a) Definisi

Dari segi bahasa *al-wakālah* memberi maksud penjagaan atau penyerahan kuasa. Takrif ini adalah berdasarkan maksud yang terdapat dalam ayat al-Quran. *Al-wakālah* memberi maksud penjagaan berdasarkan firman Allah s.w.t ²⁰⁷:

وقالوا حسبنا الله ونعم الوكيل

Mafhumnya : Mereka berkata cukuplah Allah untuk kami dan Dia sebaik-baik pengurus.

Perkataan *al-wakālah* juga memberi makna penyerahan kuasa sepertimana pengertian ayat al-Quran²⁰⁸:

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ

Mafhumnya : Maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang yang mahu berserah.

Dari sudut istilah, *fuqahā'* Ḥanafī mendefinisikan wakil sebagai seseorang yang meletakkan orang lain ditempatnya untuk menguruskan sesuatu yang harus dan diketahui. Manakala *fuqahā'* Mālikī, Syāfi'ī dan Ḥanbalī pula mentakrifkan wakil sebagai penyerahan oleh seseorang kepada orang lain sesuatu yang dia boleh lakukan yang terdiri dari perkara-perkara yang boleh diwakilkan kepada orang lain supaya orang itu melakukannya semasa hidupnya²⁰⁹.

b) Syarat Perwakilan

Dalam perjanjian *muqārabah* kedua pihak yang terlibat iaitu pemodal dan pengusaha perlulah memenuhi syarat-syarat *wakālah*. Pihak pemodal mestilah mempunyai kelayakan untuk memberi perwakilan sementara pengusaha pula layak untuk menjadi seorang wakil. Ini bermakna pihak pengusaha dalam *muqārabah* bertindak sebagai seorang wakil yang menerima amanah dari pemodal²¹⁰.

Orang yang memberi wakil pula disyaratkan mempunyai kuasa mentadbir terhadap perkara yang hendak diwakilkan. Oleh itu orang yang tidak berkuasa untuk mentadbir seperti orang hilang akal dan kanak-kanak yang belum *mumayyiz* adalah tidak layak untuk memberi wakil. Ini adalah merupakan pandangan Mālikī, Syāfi'ī dan Ḥanbalī. Sementara syarat bagi seorang wakil pula mestilah seorang yang berakal. Oleh demikian kanak-kanak adalah tidak layak untuk menerima wakil²¹¹.

4.3.6 *Al-Ujrah* (Upah)

Cagamas Berhad telah mensyaratkan kutipan bayaran ansuran hutang daripada pembeli rumah ke atas hutang perumahan yang dibelinya diuruskan oleh pihak pembiaya. Dengan persetujuan kedua pihak, Cagamas Berhad akan memberikan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi dari pembelian hutang tersebut kepada pembiaya sebagai bayaran perkhidmatan. Dalam sistem muamalah Islam, bayaran perkhidmatan ini disebut sebagai *ujrah* atau upah.

a) Definisi

Menurut Professor Benham, upah boleh ditakrifkan²¹² sebagai sejumlah wang yang dibayar berdasarkan perjanjian oleh seorang majikan

dengan seorang pekerja kerana perkhidmatan yang diberikannya²¹³. Dalam sistem kewangan Islam, upah yang diberikan hendaklah berpatutan serta setimpal dengan khidmat yang dilaksanakan. Ini jelas menunjukkan Islam begitu mementingkan keadilan agar tidak berlaku sebarang pengeksploitasian atau penindasan terhadap mana-mana pihak. Kedua-dua pihak berhak mendapat bahagian masing-masing secara bersama iaitu upah bagi orang yang menyediakan perkhidmatan dan keuntungan bagi orang yang mengurus.

b) Keharusan Pengambilan Upah

Sistem kewangan Islam ternyata mengiktiraf sistem upah atau bayaran perkhidmatan ini berdasarkan dalil-dalil yang terang dan sah. Upah ini boleh diperolehi hasil dari kerja atau perkhidmatan yang dijalankan sama ada menggunakan tenaga atau pemikiran. Kenyataan ini adalah berlandaskan kepada firman Allah s.w.t.²¹⁴

هو الذي جعل لكم الارض ذلولا فامشوا في مناكبها وكلوا من رزقه واليه

Mafhumnya : Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah: dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan²¹⁵.

Dalam *sūrah al-Baqarah* Allah s.w.t. berfirman ²¹⁶:

واتقوا يوما ترجعون فيه الى الله ثم توفى كل نفس ما كسبت وهم لا يظلمون

Mafhumnya : *Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakan, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikit pun*²¹⁷.

Firman Allah s.w.t. lagi ²¹⁸:

وخلق الله السموت والارض بالحق ولتجزى كل نفس بما كسبت وهم لا يظلمون

Mafhumnya : *Dan ingatlah Allah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah (untuk membuktikan kuasaNya dan keadilanNya) dan supaya tiap-tiap diri diberi balasan dengan apa yang telah mereka kerjakan (baik atau jahat) sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun*²¹⁹.

Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan keharmonian sistem muamalah Islam yang mengiktiraf sistem upah yang dikenakan mengikut perkhidmatan yang disediakan.

4.3.7 *Khiyār* Syarat

Hasil dari kajian yang dibuat, didapati pihak Cagamas turut memilih untuk melakukan *khiyār* dalam akad jualbeli yang dibuat dengan

pihak pembiaya perumahan secara Islam. Mereka bersetuju memberikan hak *khiyār* menggunakan *khiyār* syarat.

a) Definisi

Wahbah al-Zuhayli²²⁰ mendefinisikan istilah *khiyār* iaitu orang yang berkontrak boleh meneruskan atau membatalkan kontrak. Terdapat 17 jenis *khiyār* dalam muamalat Islam dan hanya enam jenis yang biasa diperbincangkan iaitu *khiyār* majlis, *khiyār* syarat, *khiyār ta'yīn*, *khiyār ʿayb* dan *khiyār ru'yah*.

Jenis *khiyār* yang digunakan oleh pihak Cagamas ialah *khiyār* syarat. *Khiyār* syarat ialah apabila salah seorang daripada dua pihak yang berkontrak atau keduanya mempunyai hak untuk membatalkan kontrak atau untuk meneruskannya dalam masa tertentu. *Khiyār* syarat ini hanya dibolehkan pada kontrak yang lazim iaitu kontrak yang berkuatkuasa dan boleh dibatalkan dengan persetujuan kedua pihak seperti kontrak jualbeli, sewa, *muḍārabah* dan seumpamanya²²¹.

b) Keharusan *Khiyār*

Khiyār diharuskan berdasarkan Hadith Rasulullah s.a.w ²²²:

عن أبي هريرة الأسلمي قال قال رسول الله ﷺ بالخیار ما لم تتفرق او يختارا

Mafhumnya : Kedua pihak yang berjual beli itu boleh berkhayār selagi tidak berpisah atau membuat pilihan.

Hadith ini menunjukkan bahawa *khayār* dibolehkan dalam jual beli selagi tidak berpisah atau sebelum pilihan dibuat. Setelah kedua pihak yang menjual dan membeli berpisah atau membuat pilihan samada untuk meneruskan atau tidak, mereka tidak lagi berpeluang untuk melakukan *khayār*.

c) Tempoh *Khayār*

Jumhur fuqahā' kecuali ulama Mazhab Mālikī telah bersepakat bahawa masa bagi *khayār* syarat mestilah ditentukan. Menurut pendapat Mazhab Syāfi'ī dan Ḥanbalī sekiranya masanya tidak ditentukan atau masanya tidak terhad, kontrak tersebut dikira batal. Mazhab Ḥanafī pula menganggapnya sebagai kontrak yang rosak. Sebaliknya Mazhab Mālikī mengharuskan *khayār* syarat secara mutlak tanpa menentukan tempoh ²²³.

Para *fuqahā'* berbeza pendapat mengenai masa *khayār* syarat ini. Menurut Abū Ḥanīfah, Zufar dan Syāfi'ī, tempoh masa bagi *khayār* syarat hendaklah tidak lebih dari tiga hari²²⁴. Ini adalah berdasarkan hadith

Rasulullah s.a.w. ketika peristiwa Hibban bin Munqidh yang tertipu dalam akad jualbeli iaitu²²⁵ :

إذا بايعت فقل : لا خلافة ولي الخير ثلاثة ايام

Mafhumnya : Jika engkau berjualbeli maka katakanlah tidak ada tipuan dan berilah kepadaku selama tiga hari.

Sementara ulama Mazhab Ḥanbalī dan dua sahabat Abū Ḥanīfah iaitu Abū Yūsuf dan Muḥammad bin al-Ḥassan al-Syaibānī mengatakan tempoh *khiyār* syarat boleh ditentukan mengikut persetujuan kedua pihak. Ini kerana tujuan *khiyār* disyariatkan adalah untuk memberi masa dan peluang bermesyuarat kepada kedua pihak yang mungkin memerlukan masa lebih dari tiga hari. Tambahan pula *khiyār* syarat ini adalah tertakluk kepada syarat yang dipersetujui oleh kedua pihak yang terlibat. Menurut mereka, Hadith Hibban yang menjelaskan tempoh *khiyār* selama tiga hari adalah merujuk kepada keperluan Rasulullah sedangkan keperluan orang lain mungkin melebihi had tersebut²²⁶.

Mazhab Mālikī pula mengharuskan tempoh *khiyār* ditentukan menurut keperluan keadaan. Ini bertepatan dengan konsep *khiyār* yang bertujuan untuk menguji barang yang dijual. Tempoh ujian tersebut adalah berbeza bagi barang yang berlainan²²⁷.

d) Pemilikan Barang Dalam Tempoh *Khiyār*

Menurut Mazhab Māliki, barang yang dijual masih menjadi milik penjual sehinggalah tamat tempoh *khiyār* tersebut. Sementara ulama Syāfi'i dan Ḥanbali pula berpandangan bahawa kesan kontrak tetap berlaku meskipun dalam tempoh *khiyār* kerana kontrak tersebut adalah sah. Ini bermakna pemilikan ke atas barang yang dijual akan berpindah daripada penjual kepada pembeli. Kewujudan *khiyār* tersebut hanya menghalang berkuatkuasanya kontrak tersebut²²⁸.

e) Perkara Yang Membatalkan *Khiyār* Syarat

Khiyār syarat dikira terbatal sekiranya²²⁹ :

1. Kontrak tersebut diteruskan atau difasakhkan dalam tempoh *khiyār* , sama ada dilakukan dengan perkataan atau perbuatan.
2. Berakhirnya tempoh *khiyār* tanpa keputusan samada untuk meneruskan atau membatalkan.
3. Barang rosak atau cacat di tangan pemilik *khiyār* disebabkan oleh pembeli, penjual atau keadaan. Jika *khiyār* itu milik penjual maka jualbeli itu terbatal dan *khiyār* tersebut gugur. Sebaliknya jika *khiyār* itu milik pembeli, jualbeli tersebut tidak batal tetapi kuasa *khiyār*

itu gugur. Kontrak jualbeli itu berkuatkuasa dan pembeli wajib membayar harga barang tersebut

4. Berlakunya penambahan pada barang yang dijual di tangan pembeli.
5. Kematian orang yang disyaratkan *khiyār* untuknya menurut pandangan Mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī. Ini adalah kerana *khiyār* merupakan hak peribadi yang tidak boleh diwarisi. Sebaliknya Mazhab Syāfi'ī dan Mālikī mengatakan *khiyār* tersebut tidak gugur dan berpindah kepada waris. Alasan mereka kerana *khiyār* merupakan hak yang tertakluk kepada barang yang dikontrakkan bukannya hak peribadi. Kenyataan ini disandarkan kepada Hadith Rasulullah s.a.w.²³⁰ :

من ترك مال او حق فلو رثته

Mafhumnya : *Sesiapa yang meninggalkan harta atau hak maka itu adalah bagi ahli warisnya.*

Dalam urusan penerbitan Bon Mudharabah Cagamas, Pihak Cagamas telah meletakkan khiyar syarat kepada pembiaya hutang perumahan Islam dalam tempoh kajian tiga, lima atau tujuh tahun atas persetujuan kedua pihak.

4.4 Rumusan

Tinjauan yang menyeluruh telah dilakukan ke atas operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas bagi melihat secara lebih jelas segala kontrak yang digunakan dalam operasi penerbitan bon ini. Ternyata operasinya mempunyai perbezaan yang besar berbanding dengan penerbitan bon secara konvensional iaitu ianya bebas dari sebarang aktiviti riba. Instrumen yang digunakan adalah menggunakan prinsip Islam secara umumnya. Namun demikian ianya masih belum cukup untuk memastikannya benar-benar menepati prinsip Syariah secara sepenuhnya. Untuk itu satu analisis yang terperinci perlu dilakukan bagi memastikan segala instrumen muamalah Islam yang digunakan benar-benar selari dengan kehendak Syariah

NOTA HUJUNG

¹ Temubual bersama En. Mukhlizal b. Mokhtar, Eksekutif Jabatan Perbendaharaan Cagamas Berhad bertempat di Cagamas Berhad, Bangunan Maybank, Kuala Lumpur pada 22 Disember 1999, Rabu, 10.00 pagi.

² Nor Mohamed Yakcop (1996), *Sistem Kewangan Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. m.s. 88.

³ Temubual bersama En. Azizi b. Ali, Ketua Jabatan Perbendaharaan Cagamas Berhad bertempat di Cagamas Berhad, Bangunan Maybank, Kuala Lumpur pada 22 Disember 1999, Rabu, 10.00 pagi.

⁴ En. Mukhlizal b. Mokhtar, *op.cit.*

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

⁹ En. Azizi b. Ali, *op.cit.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Al-Jammal, Dr Muhammad Abd al-Mun'im (1992), *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, jil.2, Salahuddin Abdullah (ter.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 480, Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, m.s. 73.

¹² Muhammad Kamal Azhari, *ibid.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Nor Mohamed Yakcop, *op.cit.*, m.s. 88.

¹⁵ En. Mukhlizal, *op.cit.*

-
- ¹⁶ En. Azizi b. Ali, *op.cit.*
- ¹⁷ Temubual bersama En. Delvin , Eksekutif Jabatan Perbendaharaan Cagamas Berhad bertempat di Cagamas Berhad, Bangunan Maybank, Kuala Lumpur pada 3 November 2000, Jumaat, 3.00 petang.
- ¹⁸ Rosli Mahmood (1994), *Konsep Asas Perbankan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 32.
- ¹⁹ En.Delvin. *op.cit.*
- ²⁰ Nor Mohamed Yacop, *op.cit.*, m.s. 88.
- ²¹ En. Azizi b. Ali, *op.cit.*
- ²² Rosli Mahmood, *op.cit.*, m.s.33.
- ²³ Cagamas Berhad (1997), *Laporan Tahunan 1996*, m.s. 22.
- ²⁴ Rosli Mahmood, *op.cit.*, m.s.33.
- ²⁵ *Ibid.*
- ²⁶ Cagamas Berhad, <http://www.cagamas.com.my>, 28 Mac 2001.
- ²⁷ Cagamas Berhad (2000), *Laporan Tahunan 1999*, m.s. 29.
- ²⁸ En.Delvin. *op.cit.*
- ²⁹ *Ibid.*
- ³⁰ Ibrāhīm Mustafā, Aḥmad Ḥasan al-Ziyyat, Ḥamid ʿAbd al-Qadir, Muḥammad ʿAlī (1989), *al-Muʿjam al-Wasīf*, cet. 2, Juz. 1, Turki, m.s. 307.
- ³¹ Ibn Manzūr, Imām al-ʿAllāmah Ibn al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram (t.t.), *Lisān al-ʿArab*, Jil. 17, Beirut : Dār al-Ṣādir, m.s.24, Al-ʿĀl, ʿAbd Munʿim Syed ʿAbd (1982), *Al-Syāmil*, Juz. 2, Kaherah : Maktabah Gharib, m.s. 96.

³² N. Ghattas, E. Brech, H. Johannsen, A. Robertson (1983), *Management Dictionary*, Beirut : Maktabah Lubnān, m.s. 108.

³³ Nor Mohamad Yakcop, *op.cit.*, m.s. 92.

³⁴ Al-Zuhayli, Wahbah (1987), *al- Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jilid IV, Damsyiq : Dār al-Fikr, m.s. 447.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad (t.t), *Al-Mughnī*, jil. 4, Mesir : Maktabah al-Qāhirah, m.s. 120.

³⁸ Al-Zuhayli, Wahbah , *op.cit.*, m.s. 29.

³⁹ *Gharar* dari sudut bahasa bermaksud bahaya, penipuan lahirnya disukai tetapi batinnya dibenci. Pada Istilah *fuqahā’* :

- i. Al-Sarkhasī daripada Mazhab Ḥanafi berpendapat *gharar* ialah barang yang tersembunyi dan tidak diketahui akibatnya.
- ii. Al-Qarafi daripada Mazhab Māliki berpendapat asal *gharar* ialah barang yang tidak diketahui adakah boleh diperolehi atau tidak seperti burung di udara.
- iii. Al-Syirāzī daripada Mazhab Syāfi‘ī berpendapat *gharar* ialah perkara atau barang tidak diketahui dan tersembunyi akibatnya.
- iv. Al-Isnawī daripada Mazhab Syāfi‘ī berpendapat *gharar* ialah rasa ragu-ragu antara perkara yang paling biasa dan yang paling tersembunyi.
- v. Ibn Taimiyah berpendapat *gharar* ialah tidak diketahui akibatnya.
- vi. Ibn Qayyim berpendapat *gharar* ialah barang yang tidak boleh diserahkan samada barang tersebut wujud atau tidak wujud seperti hamba yang lari daripada tuannya.
- vii. Ibn Ḥazm berpendapat *gharar* ialah pembeli yang tidak tahu apa yang dibeli dan penjual tidak tahu apa yang dijual.

Lihat Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 451.

- ⁴⁰ Rawwās, Muḥammad (1986), *Mawsū'ah Fiqh Ibrāhīm al-Nakha'i*, juz. 1, cet. 3, Beirut : Dār al-Nafā'is, m.s. 322.
- ⁴¹ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, Al-Kasānī, 'Alā al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas'ūd (t.t.), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Syarā'i'*, jil. 5, Kaherah : Matba'ah al-Imām, m.s. 148.
- ⁴² Ghuras 'Abd Nu'ās (ed.) (1966), *Sunan al-Turmudhī*, Juz. 3, Andalus : Matba'ah al-Andalus, m.s. 225.
- ⁴³ Al-Zuhayli, Wahbah *op.cit.* m.s. 448.
- ⁴⁴ *Ibid*, m.s. 449.
- ⁴⁵ *Ibid*.
- ⁴⁶ Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Syaraf (t.t.), *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, juz. 9, Kaherah : Matba'ah Āṣimah, m.s. 297.
- ⁴⁷ Ibn 'Ābidin, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāsyiat Rad al-Mukhtār*, juz. 5 Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 152.
- ⁴⁸ *Ibid*.
- ⁴⁹ Dirikan oleh Dār al-Qutnī daripada Ibn 'Umar dan al-Tabarānī daripada Rafī' Ibn Khudāij, Hadith ini adalah Hadith ḍā'if. Lihat Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 449.
- ⁵⁰ Zuhayli, Wahbah, *Ibid*.
- ⁵¹ Al-Shawkānī, Muḥammad Ibn 'Alī (t.t.) *Nayl al-Awtār*, Jilid 5, Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 156.
- ⁵² Al-Ramlī, Aḥmad Ibn Ḥamzah Ibn Syihāb al-Dīn (t.t.), *Niḥāyat al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, Juz. 3, Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 92.
- ⁵³ Al-Zuhaylī , Wahbah, *op.cit.*, m.s. 448.
- ⁵⁴ Nor Mohamad Yakcop, *op.cit.*, m.s.93.

-
- ⁵⁶ Mahsin bin Hj Mansor (1983), *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*, Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad, m.s. 46.
- ⁵⁷ Mohd Ali Hj Baharum (Dr) (1990), *Masalah Perumahan : Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*, selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia Dewan Pustaka Islam, m.s. 112.
- ⁵⁸ Al-Quran, *sūrah al-Baqarah* (2) : ayat 275.
- ⁵⁹ Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri (1982), *Tafsir Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Qurān*, diterjemah serta diberi penjelasan oleh Sheikh ‘Abdullāh Basmeih, m.s. 110.
- ⁶⁰ Al-Quran, *sūrah al-Nisā’* (4) : ayat 29.
- ⁶¹ Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, *op.cit.*, m.s. 190.
- ⁶² Al-Bāqī Muḥammad Fu‘ad ‘Abd (ed.) (t.t), *Sunān Ibn Mājah*, Juz. 2, ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syarikāhu, m.s. 160.
- ⁶³ Al-Ramlī, *op.cit.* m.s. 92.
- ⁶⁴ *Ibid.*
- ⁶⁵ Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, m.s. 90.
- ⁶⁶ Mohd Ali Hj Baharum , *op.cit.* m.s. 104.
- ⁶⁷ Saiful Azhar Rosly (1996), ‘ Pelaburan Dalam Perbankan Islam’, *Dataniaga*, September, m.s. 45.
- ⁶⁸ Al-Zabidī, Syeikh Muḥammad al-Murtaḍā al-Ḥusainī (1967), *Tāj al-‘Arūs*, Juz. 3, Benghazi : Dār al-Libiyā. m.s. 237, Ibn Manzūr, *op.cit.*, m.s. 82.
- ⁶⁹ Al-Jammal, Dr Muhammad Abd al-Mun’im (1992) *Ensiklopedia Ekonomi Islam* (ter.), jil.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 480.
- ⁷⁰ Al-Rāzī, ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Muḥsin al-Zakarī (1983), *Ḥilyat al-Fuqahā’*, Beirut : al-Syarikat al-Muttaḥidah li al-Tauzī‘, m.s. 137, Al-‘Āl,

‘Abd Mun‘im Syed ‘Abd, *op.cit.*, m.s. 399, Ibrāhīm Mustafā, *op.cit.*, m.s.536, Muhammad Kamal Azhari, *op.cit.*, m.s. 73, Al-Jammal, *op.cit.*, m.s. 480.

⁷¹ Al-Zabīdī, *op.cit.*, m.s. 237, Ibn Manzūr, *op.cit.*, m.s. 82, Ibrāhīm Mustafā, *Ibid*, Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 840.

⁷² Al-Syarqāwī, ‘Abd Allāh ibn Ḥijāzī (t.t.), *Ḥāsyiyat Khātimah*, Mesir : Dār al- Kutub al-‘Arabiyyah al-Kubrā, m.s. 97, Al-Zuhayli, Muḥammad (1996), *al-Muḥadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, juz. 3, Beirut : Dār al-Thāmiyah, Abdul Aziz Dahlan (1997), *Ensiklopedia Hukum Islam*, jil.4, Jakarta : PT Ihtiar Baru Van Hoeve, m.s. 1197.

⁷³ Nabil A. Salleh (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law : Riba, Gharar and Islamic Banking*, Sydney : Cambridge University Press, m.s. 103.

⁷⁴ Waqar Masood Khan (1985), *Towards an Interest Free Islamic Economics System*, United Kingdom : The Islamic Foundation, m.s. 29.

⁷⁵ Waqar Masood Khan, *Ibid*, m.s. 28, Muhammad Kamal Azhari, *op.cit.*, m.s. 73, <http://www.Islamic-finance.com/indexnew.htm>.

⁷⁶ Ibrāhīm Mustafā, *op.cit.*, m.s. 537, Al-Jammal, *op.cit.*, Nabil A. Salleh, *op.cit.*, m.s. 103, Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 1196, Zamir Iqbal, *Islamic Financial Systems*, <http://www.worldbank.org>.

⁷⁷ Ibn Ḥazm, *Al-Muḥallā*, jilid 8, Beirut : al-Maktab al-Tijārī li al-Tibā‘ah wa al-Nashr, m.s. 247.

⁷⁸ Mahsin bin Mansor, *op.cit.* m.s. 41.

⁷⁹ Al-Qaradawi, Yusuf (1997), *Tipu Daya Halalkan Riba*, Dr Nik Rahim Nik Wajis (ter.), Selangor : As-Syabab Media, m.s. 113, Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 857.

⁸⁰ *Ibid*. m.s. 41.

⁸¹ Al-Shawkānī, *op.cit.*, m.s. 394.

⁸² Mahsin bin Mansor, *op.cit.*

-
- ⁸³ Saiful Azhar Rosly (1996), 'Memahami Jual Beli', *Dataniaga*, Disember.
- ⁸⁴ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1991) (terjemahan), *Perkongsian dan Pengongsian Untung Dalam Hukum Islam*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 6 . Al-Jammal, *op.cit.*, m.s. 484, Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, m.s. 394.
- ⁸⁵ Afzal Ur-Rahman (1991), *Doctrin of Islamic Economics*, jilid IV, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , m.s. 321, Al-Jammal, m.s. 436.
- ⁸⁶ Al-Jammal, *Ibid.*
- ⁸⁷ *Ibid.*, m.s. 484.
- ⁸⁸ al-Sarakhsi, jilid 22, m.s. 18.
- ⁸⁹ Al-Zuhayli , Wahbah, *op.cit.*, m.s. 842.
- ⁹⁰ *Ibid.*
- ⁹¹ Imam Mālik, *Kitāb al-Qirāḍ*.
- ⁹² Al-Zuhayli , Wahbah , *op.cit.* , m.s. 842.
- ⁹³ Al-Quran *sūrah al-Muzzammil* (73) : 20.
- ⁹⁴ Al-Quran *sūrah al-Jum'ah* (62) : 10.
- ⁹⁵ Al-Bāqī, *Sunān Ibn Mājah*, *op.cit.*, m.s. 166.
- ⁹⁶ *Ibid.*
- ⁹⁷ Al-Zuhayli , Wahbah, *op.cit.*, m.s. 843.
- ⁹⁸ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *ʿIlām al-Muwaqqi'īn*, jilid 1, Beirut : Dār al-Jayl, m.s. 250, Al-Jammāl, *op.cit.*, m.s. 478.
- ⁹⁹ Ibrāhīm Mustafā, *op.cit.*, m.s. 537, Mahsin bin Mansor , *op.cit.*
- ¹⁰⁰ Al-Shawkānī, *op.cit.*, m.s. 394.

-
- ¹⁰¹ Al-Jammal, *op.cit.*, m.s. 464.
- ¹⁰² Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.*, m.s. 6.
- ¹⁰³ Al-Sarakhsi, *op.cit.*, m.s. 18, Ab Mumin, *op.cit.*, m.s. 395.
- ¹⁰⁴ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 844.
- ¹⁰⁵ Nabil A. Salleh, *op.cit.*, m.s. 103.
- ¹⁰⁶ *Ibid.*, m.s. 101.
- ¹⁰⁷ Al-Jammal, *op.cit.*, m.s. 486.
- ¹⁰⁸ Ab Mumin, *op.cit.*, m.s. 397.
- ¹⁰⁹ Mohammad Muslehuiddin (1986), *Urusan Bank Dan Hukum Islam*, terjemahan Izuddin Hj Mohamed, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 67.
- ¹¹⁰ Mahsin bin Mansor, *op.cit.* m.s. 40.
- ¹¹¹ *Ibid.*
- ¹¹² Al-Anṣārī, Zakariyā (t.t.), *Tuhfah al-Ṭullāb*, Mesir : Matba'ah Dār Iḥyā al-Kutub al-ʿArabīyyah, m.s. 75, Al-Syarqāwī, *op.cit.*, m.s. 98, Al-Zuhayli, Muḥammad, *op.cit.* Al-Jammal, *op.cit.* 479.
- ¹¹³ Al-Jazirī, ʿAbd al-Raḥmān (t.t.), *al-Fiḡh ʿAlā al-Madhāhib Arbaʿah*, Beirut : Al-Maktab al-Tijārī, Al-Jammal, *op.cit.*, 479, Waqar Masood Khan, *op.cit.*, m.s. 30.
- ¹¹⁴ Al-Sarakhsi, *op.cit.*, m.s. 33.
- ¹¹⁵ Al-Qurṭūbī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rusd (1981), *Bidāyah al-Mujtahid wa Niḥāyah al-Muqtaṣid*, juz.2, cet. 5, Beirut : Dār al-Maʿārif, m.s. 236.
- ¹¹⁶ Al-Jazirī, *op.cit.*, m.s. 43.

-
- ¹¹⁷ Khurshid Ahmad (ed.) (1991), *Kajian Dalam Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 104.
- ¹¹⁸ Ibn Ḥazm, *op.cit.* m.s.392, Waqar Masood Khan, *op.cit.*, m.s. 30.
- ¹¹⁹ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 848.
- ¹²⁰ Khursid, *op.cit.*
- ¹²¹ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 847.
- ¹²² Muhammad Kamal Atiyah (1992), terjemahan Mohd Ghazali Abdul Wahid, *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 104.
- ¹²³ Al-Jammal, *op.cit.*, Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 847.
- ¹²⁴ Nabil A. Saleh, *op.cit.*, m.s. 104.
- ¹²⁵ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 847..
- ¹²⁶ *Ibid.*, m.s. 847.
- ¹²⁷ Al-Nawāwī, *op.cit.*, m.s. 210.
- ¹²⁸ Al-Shawkānī, *op.cit.* m.s 44.
- ¹²⁹ Khursid, *op.cit.* m.s. 108.
- ¹³⁰ *Ibid.*
- ¹³¹ Al-Ḥanbalī (t.t.), Mansūr ibn Idris, *Kasyāf al-Qināʿ an Matan al-Iqnāʿ*, juz.2, m.s. 262.
- ¹³² Abī al-Ḥusain, ʿAbd Allāh ibn Miftāḥ (1936), *Syarḥ al-Azhar fī Fiqh al-Aʿimmah al-Athār*, juz. 3, Kaherah : Matbaʿah Ḥijāzī, m.s. 330.
- ¹³³ Al-Majlis al-ʿAlā li al-Syuʿūn (1975), *Mawsūʿah al-Fiqhiyyah*, Kaherah : Dār al-Kitāb, m.s. 206, Kamal Atiyah *op.cit.*, m.s. 213.
- ¹³⁴ Al-Syāhir (1329) , Abī ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yūsuf ibn Abī Qāsim al-ʿAbdarī, *al-Tāj wa al-Aklil li Syarḥ Mukhtasir Khalil*, juz.5, m.s. 360.

-
- ¹³⁵ Al-Majlis al-A'la li al-Syu'ûn, *op.cit.*, m.s. 213.
- ¹³⁶ *Ibid.*, m.s. 215.
- ¹³⁷ Ibn Hāzm, *op.cit.*, juz 8, m.s. 247.
- ¹³⁸ Al-Anṣārī, *op.cit.*, m.s. 75, Al-Syarqāwī, *op.cit.*, m.s. 99.
- ¹³⁹ Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 1197.
- ¹⁴⁰ Ab Mumin Ab Ghani, *op.cit.*, m.s. 393.
- ¹⁴¹ Al-Sarakhsī, *op.cit.*, m.s. 18.
- ¹⁴² Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 1197.
- ¹⁴³ *Ibid.*
- ¹⁴⁴ Khursid, *op.cit.* m.s. 108.
- ¹⁴⁵ Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, m.s. 104.
- ¹⁴⁶ Nabil A. Saleh, *op.cit.*, m.s. 104.
- ¹⁴⁷ *Ibid.*, m.s. 102.
- ¹⁴⁸ Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, m.s. 104.
- ¹⁴⁹ Al-Ṭahawī, Ibrāhīm (1974), *al-Iqtiṣād al-Islāmī Madhhaban wa Niẓāman*, Kaherah, m.s. 230.
- ¹⁵⁰ Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, m.s. 223.
- ¹⁵¹ *Ibid.*, m.s. 224.
- ¹⁵² Al-Sarakhsī, *op.cit.* jilid 11, m.s. 157.
- ¹⁵³ Al-Khafif, Perbincangan tentang *muḍārabah*, m.s. 74.
- ¹⁵⁴ Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.* m.s. 22
- ¹⁵⁵ *Ibid.* m.s. 12

-
- ¹⁵⁶ Al-Majlis al-A'la li al-Syu'un, *op.cit.*, m.s. 206, Kamal 'Atiyah *op.cit.*, m.s. 222.
- ¹⁵⁷ Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.* m.s. 15.
- ¹⁵⁸ *Ibid.*, m.s. 16.
- ¹⁵⁹ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 854.
- ¹⁶⁰ Al-Ramli, *op.cit.*, m.s. 223.
- ¹⁶¹ Al-Majlis al-A'la li al-Syu'un, *op.cit.*, m.s. 210.
- ¹⁶² Al-Syāhir , *op.cit.*, m.s. 363, Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.*, m.s. 17.
- ¹⁶³ Kamal Atiyah, *op.cit.*, Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 851.
- ¹⁶⁴ Al-Kasānī, *op.cit.*, m.s. 97-98, Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 1197.
- ¹⁶⁵ Al-Ḥanbalī, *op.cit.*, m.s. 260.
- ¹⁶⁶ Al-Kasānī, *op.cit.*, m.s. 97.
- ¹⁶⁷ Al-Ḥanbalī, *op.cit.*, m.s. 260.
- ¹⁶⁸ Al-Majlis al-A'la li al-Syu'un, *op.cit.*, m.s. 211.
- ¹⁶⁹ Al-Anṣārī, *op.cit.*, m.s. 75, Al-Syarqāwī, *op.cit.*, m.s. 99. Al-Ramli, *op.cit.*, m.s. 223.
- ¹⁷⁰ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, , m.s. 853.
- ¹⁷¹ Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 1197.
- ¹⁷² Al-Jazīrī , *op.cit.*, m.s. 61.
- ¹⁷³ Al-Jazīrī , *ibid.*, Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.* m.s. 26.
- ¹⁷⁴ Al-Jazīrī , *ibid.*, Muhammad Nejatullah Siddiqi, *ibid.*, m.s. 27.
- ¹⁷⁵ Kamal Atiyah, *op.cit.*, m.s. 225

-
- ¹⁷⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi, *op.cit.* m.s. 30.
- ¹⁷⁷ Kamal Atiyah, *op.cit.*, m.s. 204.
- ¹⁷⁸ Al-Syāhir , *op.cit.*, m.s. 363.
- ¹⁷⁹ Al-Ramli, *op.cit.*, m.s. 223.
- ¹⁸⁰ *Ibid.*
- ¹⁸¹ Al-Jammal, *op.cit.*, m.s. 482.
- ¹⁸² Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 870.
- ¹⁸³ *Ibid.*, m.s. 725.
- ¹⁸⁴ *Ibid.*
- ¹⁸⁵ Ibrāhīm Mustafā, *op.cit.*, m.s. 727.
- ¹⁸⁶ Ibn Manzūr, *op.cit.*, m.s. 82-84, Ibrāhīm Mustafā, *ibid.*
- ¹⁸⁷ *Ibid.* m.s. 726.
- ¹⁸⁸ Ibn Manzūr, *op.cit.*, m.s. 82, Idārah al-Auqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah (1989), *Mawsū'ah Fiqhiyyah*, juz. 21, Kuwait : Idārah al-Auqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, m.s. 103.
- ¹⁸⁹ Idārah al-Auqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *Ibid.*
- ¹⁹⁰ Ibn Manzūr, *op.cit.*, m.s. 83.
- ¹⁹¹ Al-Bāqī Muḥammad Fu'ad ^{cAbd}, *Sunān Ibn Mājah*, *op.cit.*, m.s. 177.
- ¹⁹² *Ibid.*
- ¹⁹³ Hārūn, ^{cAbdul Salam Muḥammad} (ed.) (t.t.), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, cet. 3, Jilid 2, Mesir : Dār Ḥaṭabī al-Sya'bū, m.s. 66.
- ¹⁹⁴ Al-Zuhayli, Wahbah, *op. cit.* m.s. 727.

¹⁹⁵ *Ibid.*, m.s. 729.

¹⁹⁶ Al-Bāqī, Muḥammad Fuʿad ʿAbd (ed.) (1955), *Ṣaḥīḥ Muslim li Imām Abī al-Ḥusain Muslim Ibn al-Ḥujjāj al-Khusairī*, Dār Iḥyā al-Turāth al-ʿArabīy, m.s. 1224, Al-Bāqī Muḥammad Fuʿad ʿAbd, Sunan Ibn Mājah, *op.cit.*, m.s. 166.

¹⁹⁷ Al-Zuhayli, Wahbah, *op. cit.*

¹⁹⁸ Rawwās, *op.cit.*, m.s. 472..

¹⁹⁹ *Ibid.* m.s. 730.

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ Idārah al-Auqāf wa al-Syuʿūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, 103.

²⁰² Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, jil.6, m.s. 1894.

²⁰³ Wizārat al-Auqāf wa al-Syuʿūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, m.s. 119.

²⁰⁴ *Ibid.*, m.s. 121.

²⁰⁵ *Ibid.*, m.s. 123.

²⁰⁶ Saiful Azhar Rosly (1999), "Pasaran Bon Islam", *Dewan Ekonomi*, Februari, m.s. 56.

²⁰⁷ Al-Quran sūrah Al-ʿImrān (3) : 173.

²⁰⁸ Al-Quran sūrah Ibrāhīm (14) : 12..

²⁰⁹ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 153.

²¹⁰ Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*

²¹¹ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.*, m.s. 156.

²¹² Afzal-Ur-Rahman, *op.cit.*, m.s. 273.

²¹³ Ibn Manzūr, *op.cit.*, Jil. 5, m.s. 65, Ibrāhīm Mustafā, *op.cit.*, m.s.7, Al-ʿĀl, ʿAbd Munʿim Syed ʿAbd, *op.cit.*, m.s. 107.

-
- ²¹⁴ Al-Quran, *sūrah al-Mulk* (67) : 15
- ²¹⁵ Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, *op.cit.*, m.s. 1541.
- ²¹⁶ Al-Quran, *sūrah al-Baqarah* (2) : 281.
- ²¹⁷ Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, *op.cit.*, m.s. 112.
- ²¹⁸ Al-Quran , *sūrah al-Jāthiyah* (45) : 22.
- ²¹⁹ Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, *op.cit.*, m.s. 1337.
- ²²⁰ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.* m.s. 252.
- ²²¹ *Ibid*, m.s. 257.
- ²²² Al-Dahlawī, Sheikh ʿAbd al-Ghinā (ed.) (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, jil. 1
Delhi : Maktabah al-Rasyīdah, m.s. 158, Al-Bāqī, Muḥammad Fuʿad ʿ Abd,
Ṣaḥīḥ Muslim li Imām Abī al-Ḥusain Muslim Ibn al-Ḥujjāj al-Khusairī,
op.cit., juz. 3, m.s. 1163, Ghuras Abd Nuʿās, *op.cit.*, m.s. 24, Hārūn, ʿAbd
al-Salam Muḥammad, *op.cit.*, m.s. 83.
- ²²³ Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 915.
- ²²⁴ Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.* m.s. 258.
- ²²⁵ Al-Kasānī, *op.cit.*, m.s. 268, Abdul Aziz Dahlan, *op.cit.*, m.s. 915.
- ²²⁶ Abdul Aziz Dahlan, *ibid*, Al-Zuhayli, Wahbah, *op.cit.* m.s. 258.
- ²²⁷ *Ibid*.
- ²²⁸ Al-Zuhayli, Wahbah, *Ibid*. m.s.261.
- ²²⁹ *Ibid*.
- ²³⁰ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jil.3, m.s.569.